

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 / 14 Mac 2016****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
pada pukul 9.00 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu hari yang ke-7, Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 bersamaan 14 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarkatuh. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat sekali lagi bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini Persidangan Majlis Mesyuarat Negara merupakan persidangan bagi hari yang ketujuh.

Seperti lazimnya, sebelum kita mendahului perkara-perkara lain, kita akan lebih dahulu membincangkan perkara-perkara mengenai jawapan lisan bagi Soalan Yang Telah Diberi Notis. Selepas itu kita akan menyusul semula perbincangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Sekarang kita akan membincangkan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu Perkara V yang akan dijawab secara lisan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan Yang Telah Diberi Notis, No. 14 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan ini kaola tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

SPN21 telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2009 dengan menyasarkan misi pendidikannya. Antaranya ialah menyediakan Bidang Kemahiran atau Ilmu Kemahiran Hidup Abad Ke-21 bagi memenuhi hasrat Wawasan Brunei 2035

khusus untuk Pembangunan Industri Negara. Penubuhan pelbagai industri seperti *Industrial Park* di Kampung Tungku dan Perancangan Pulau Muara Besar merupakan suatu yang boleh membawa perubahan positif dan peluang pekerjaan kelahiran SPN21. SPN21 juga mempunyai misi untuk meningkatkan kadar jumlah penuntut di peringkat pendidikan tinggi dari kadar 14 peratus yang sedia ada kepada tahap 30 peratus dalam jangka waktu 5 tahun dan dapat mempercepatkan matlamat untuk membolehkan sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah penuntut lepasan sekolah menengah termasuk lepasan sekolah vokasional dapat meneruskan pelajaran di peringkat tinggi.

Saya ingin tahu:-

1. Setelah lebih 5 tahun SPN21 dilaksanakan, adakah kadar peningkatan jumlah penuntut di peringkat tinggi dan lepasan sekolah menengah dan vokasional mencapai kadar seperti yang diharapkan dalam misi SPN21; dan
2. Adakah cadangan untuk mengadakan Pendidikan Asas Vokasional atau Asas Ilmu Kemahiran Hidup bermula dari peringkat sekolah rendah?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan yang dikemukakan mengenai pencapaian kadar jumlah penuntut di peringkat tinggi dan lepasan sekolah menengah dan vokasional sebagaimana yang dihasratkan dalam misi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 iaitu SPN21.

Sebagaimana kita maklum, setiap pelajar mempunyai kebolehan dan kecenderungan yang berbeza-beza. Maka kita mengadakan SPN21 bagi merangka menawarkan pelbagai peluang laluan (*multiple pass ways*) yang boleh diikuti pelajar mengikuti kecenderungan dan kebolehan masing-masing untuk meningkatkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Antara laluan yang dimaksudkan itu, termasuklah penyediaan program-program teknikal dan vokasional yang bersesuaian bagi pelajar selepas menamatkan pengajian di peringkat menengah di tahun 10 dan 11. Dalam pada itu juga, dengan penubuhan Politeknik Brunei yang menawarkan berbagai-bagai jurusan dan peringkat telah juga membuka luas akses ke peringkat yang tinggi.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, iaitu

berdasarkan dapatan daripada penilaian pelaksanaan prestasi SPN21 dan merujuk kepada statistik kemasukan pelajar dari tahun 2009 hingga 2015, didapati bahawa kadar kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah vokasional dan teknikal menunjukkan peningkatan yang progresif. Data pada tahun 2009 mencatatkan kemasukan pelajar seramai 1,513 orang dan pada tahun 2015 jumlah ini meningkat kepada seramai 3,779 orang pelajar. Ini satu peningkatan yang amat menggalakkan. Kita tidaklah mempunyai kadar tertentu yang ingin dicapai, tetapi kita mahu setiap pelajar ada laluan untuk mengikuti kursus yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan menyumbang kepada negara.

Soalan No. 2 ialah mengenai jika terdapatnya cadangan Pendidikan Asas Vokasional, Asas Ilmu Kemahiran Hidup (*life skills*) di peringkat sekolah rendah. Pada menjawabnya buat pada masa ini tidak ada cadangan sedemikian, kerana difikirkan terlalu awal jika untuk diadakan di peringkat rendah dan lebih bersesuaian jika di peringkat sekolah rendah mereka mempelajari mata pelajaran asas yang membolehkan mereka meneruskan pengajian ke menengah dengan lebih bersedia.

Walau bagaimanapun, asas ilmu kemahiran hidup diserapkan dalam rangka kerja kurikulum SPN21 dan dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran seharian. Sekianlah yang dapat kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan No 15 Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan yang akan kaola bentangkan ini ada hubung kaitnya dengan 2 kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Kanak-kanak Yang Berkeperluan Khas Unit-unit pendidikan untuk anak-anak istimewa berkeperluan khas ini sepatutnya diperkenalkan seluas-luasnya kepada umum melalui media masa atau media cetak agar para ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa yang berkeperluan tersebut akan menyedari betapa pentingnya anak-anak mereka diberi bimbingan yang betul dari kecil lagi supaya mereka boleh menikmati kehidupan yang sempurna pada masa hadapan.

Soalan kaola ialah:-

1. Adakah tindakan dan perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengemaskinikan Pusat Pembangunan Kanak-Kanak dan

Unit Pendidikan Khas ini pada masa akan datang?;

2. Adakah kedua-dua unit ini mempunyai pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran serta "*specialize*" dalam pengendalian kanak-kanak istimewa ini mencukupi pada masa ini?;
3. Adakah bersesuaian jika kedua-dua unit ini digabungkan dan disatukan menjadi sebuah pusat didikan yang berkemahiran tinggi untuk anak-anak istimewa yang berkeperluan khas ditempatkan di sebuah bangunan yang moden dan dilengkapi dengan bilik-bilik tempat belajar, rehat, makan, surau, bilik rawatan, klinik pergigian dan tempat riadah dan tempat permainan mengikut keperluan yang bersesuaian? Kaola difahamkan bahawa unit-unit ini ditempatkan di bangunan yang dahulunya merupakan rumah-rumah kerajaan yang pada pendapat kaola tidak begitu sesuai dan sangat terhad bagi menempatkan beberapa rawatan atau khidmat kaunseling yang diperlukan.; dan
4. Apakah kerjasama antara kedua-dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan dalam memberikan bantuan dari segi keperluan pelajaran, jasmani dan rohani (*educational, physical and spiritual*) kepada kanak-kanak istimewa yang berkeperluan khas ini?.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan kanak-kanak berkeperluan khas.

Kaola sukacita menjawab soalan berkenaan dengan melihat daripada perspektif pelajar-pelajar berkeperluan khas. Seramai 4,161 orang pelajar keperluan khas telah didaftarkan dan sedang belajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi di negara ini, iaitu di prasekolah seramai 169 orang, di sekolah rendah 2,935 orang, di sekolah menengah seramai 973 orang dan di pascamenengah seramai 84 orang.

Unit Pendidikan Khas (UPK), ditubuhkan untuk melaksanakan dasar pendidikan *inclusive*. Fokusnya adalah memberikan pendidikan yang dikhususkan mengikut keperluan pelajar tersebut iaitu *Individual Educational Need*. Kerjasama

rapat wujud dengan pihak-pihak yang berkepentingan melalui jawatankuasa empat pihak yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak iaitu Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pengajian Islam.

Pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak UPK seperti program bantuan khusus khas yang berdasarkan *Individual Educational Plan* (IEP), program bantuan pembelajaran yakni pemulihan yang berdasarkan *Remedial Educational Plan* bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan memerlukan pemulihan di sekolah-sekolah kerajaan. Program pravokasional menengah dan program pendidikan bagi pelajar cerdas, pintar dan berbakat (*Gifted Children*).

Di samping itu, dengan kerjasama rapat pihak-pihak yang berkepentingan, perkhidmatan bantuan juga disediakan bagi pelajar-pelajarnya antaranya seperti:-

- i. Perkhidmatan psikologi pendidikan;
- ii. Perkhidmatan terapi bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan;
- iii. Perkhidmatan bantuan pelajar masalah penglihatan; dan
- iv. Perkhidmatan *continuing education support* bagi pelajar-pelajar, pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan *long term* di Hospital Raja

Isteri Pengiran Anak Saleha dan sebagainya.

Bagi menjalankan program-program tersebut, setentunya memerlukan pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran. Alhamdulillah, Kementerian Pendidikan kini mempunyai seramai 49 orang pakar dalam pelbagai bidang seperti psikologi pendidikan, *autisma, dyslexia, assistive technology, deaf education, speech therapy* dan pendidikan khas. Manakala, Kementerian mempunyai seramai 145 orang guru *Special Education Need Assistant (SENA)* dengan dibantu oleh *Learning Support Teacher* dan perancangan berterusan telah pun dirangka bagi menambah bilangan pakar dan guru khas dan juga bagi meningkatkan kemahiran pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran dalam bentuk latihan jangka panjang dan pendek.

Mengenai kesesuaian kedua-dua unit iaitu *UPK* dan *CDC* digabungkan, buat pada masa ini belum ada pemikiran ke arah itu, kerana kerjasama yang ada sekarang berjalan dengan baiknya. Walau bagaimanapun, seperti pernah kita nyatakan, kita tidak menolak kemungkinan kedua-dua unit *UPK* dan *CDC* akan meneliti peranan masing-masing dan bagaimana dapat meningkatkan lagi perkhidmatan dan pemedulian kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang menjadi tanggungjawab kita bersama. Kaola percaya rakan saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan mungkin juga menambah dalam perkara ini.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menambah sedikit ulasan yang telah disampaikan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kementerian Kesihatan komited untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik kepada seluruh lapisan rakyat dan termasuk juga kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas melalui penjagaan pelbagai disiplin kepakaran secara berintegrasi yang berasaskan kepada konsep '*patient and people centred care*'.

Ini termasuklah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif yang turut meliputi antara lainnya pengesanan awal dari Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak sama ada di peringkat kerajaan atau pun peringkat swasta dan juga perkhidmatan Klinik Pediatrik di hospital dan pelaksanaan intervensi terhadap kanak-kanak yang bekeperluan khas dengan kerjasama erat pelbagai disiplin dan juga bersama Kementerian Pendidikan serta para penjaga.

Kementerian Kesihatan menyambut baik cadangan-cadangan yang diberikan yang sudah setentunya menggambarkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap hal-ehwal kebajikan kanak-kanak yang berkeperluan khas. Niat atau hasrat untuk menempatkan kanak-kanak berkenaan dalam satu bangunan khas memanglah baik semata-mata demi menjaga hal-ehwal kebajikan mereka. Oleh itu, cadangan akan diteliti dengan mengambil kira pelbagai sudut termasuklah kesan dan impak kepada kanak-kanak berkeperluan khas berkenaan.

Umpamanya apakah kesan stigma oleh masyarakat akan timbul terhadap kanak-kanak ini, jika mereka diasingkan atau *disegregate* dan menyebabkan kanak-kanak tersebut merasa tersingkir, walhal mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat. Lebih-lebih lagi, dengan adanya dasar pendidikan inklusif yang ada di negara ini, maka perlulah cadangan ini diteliti dengan lebih mendalam.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai disiplin kepakaran lain dan juga para penjaga dan ibu bapa juga sedang meneliti semula perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan pada masa ini bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Ini sejajar dengan fokus utama Kementerian Kesihatan untuk memantapkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan antaranya melalui penyatuan perkhidmatan, kemudahan serta infrastruktur yang sedia ada

*(consolidation of services, facilities and infrastructure).*

Bagi Pusat Pembangunan Kanak-Kanak khususnya, kementerian telah meneliti pengintegrasian dengan penyerapan perkhidmatannya ke Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak yang baharu ini mempunyai prasarana yang lebih sesuai dan kondusif terutama bagi kanak-kanak sama ada berkeperluan khas atau tidak dan alhamdulillah, Ahli-ahli Yang Berhormat telah berkesempatan untuk melawat pusat baharu ini dalam tempoh beberapa minggu yang lalu. Setentunya mereka yang berkeperluan khas ini juga berhak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan di pusat yang baharu ini seperti kanak-kanak yang lain. Penyerapan ini akan memberikan nilai tambah dan penyediaan penjagaan kesihatan yang lebih optimum kaedah *One Stop Centre* bagi memastikan pelanggan akan terus menerima perkhidmatan yang terbaik dan pada masa yang sama hasil klinikal yang positif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengongsikan juga *referral rate* ataupun rujukan ke pusat *CDC* di Kementerian Kesihatan ini, tiap-tiap tahun akan mencecah kurang lebih 400 *referral* yang baharu. Bukan semestinya kanak-kanak ini dikategorikan di peringkat kanak-kanak berkeperluan khas tapi cuma akan dirujuk untuk dinilai. Jadi kalau kitani dapat mengadakan satu *One Stop Centre* bagi kanak-kanak ini daripada

mereka ini terpaksa mengaga ke tiap-tiap *speciality*, ini akan memakan masa, kadang-kadang *waiting list* ini akan memakan masa 6 ke 8 bulan. Untuk menyenangkan mereka, pihak Kementerian Kesihatan inginlah memikirkan perkara ini agar dapat ditempatkan di satu tempat Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak yang baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menjemput dan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan pihak bekeperluan terutamanya pihak penjaga dan keluarga kanak-kanak berkeperluan khas ini untuk bekerjasama bersama pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan dalam mereviu cara yang terbaik dalam memberikan penjagaan yang kondusif bagi golongan kanak-kanak berkeperluan khas. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 16, daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang

Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola, mengenai kelas-kelas tuisyen.

Diperhatikan bahawa masa ini, para ibu-bapa dan penjaga kanak-kanak berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen/kelas tambahan yang dipunyai oleh pihak swasta ataupun persendirian pada hari Jumaat, Ahad dan pada sebelah petang dan malam. Untuk meyakinkan tentang kedudukan kelas-kelas tuisyen/kelas tambahan ini kepada ibu bapa dan penjaga anak-anak menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen tersebut.

Soalan kaola:-

1. Adakah kelas tuisyen ini mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan ataupun pihak-pihak lain?;
2. Adakah pihak Kementerian Pendidikan membuat pemantauan terhadap kelas-kelas tuisyen ini?; dan
3. Apakah peraturan dan syarat-syarat yang diberikan kepada pemilik kelas tuisyen tersebut?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang

Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, atas soalan yang telah dikemukakan mengenai kes kelas-kelas tuisyen.

Menurut Bab 75(1) Akta Pendidikan Penggal 210, individu-individu atau organisasi yang berhasrat untuk menjalankan kelas tuisyen adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kebenaran. Bermakna mereka mestilah mendapat kebenaran lebih dahulu sebelum mereka beroperasi. Pihak Kementerian Pendidikan akan memantau sekolah-sekolah tuisyen yang telah berdaftar dari segi penggunaan premis dan guru-guru yang diambil bekerja, program atau kurikulum yang ditawarkan dan yuran yang dikenakan. Sebarang tambahan kepada program atau kurikulum atau kenaikan yuran, pemindahan tempat ataupun premis, pengambilan guru baru dan sebagainya perlu dipohonkan lebih dahulu sebelum melaksanakannya.

Menyentuh mengenai soalan sama ada apakah peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, sememangnya kita mengenakan peraturan dan syarat-syarat kepada pemilik kelas tuisyen seperti pemilik tersebut hendaklah mendaftarkan sekolah tuisyen yang hendak dijalankan dan juga mendaftarkan guru-guru sekolah berkenaan. Pemilik sekolah hendaklah terdiri daripada Warga Negara Brunei Darussalam, mempunyai kelulusan sijil/diploma dalam bidang berkaitan

iaitu pendidikan, pentadbiran dan perniagaan serta berpengalaman dalam pengurusan institusi pendidikan dan sekolah. Jika pengusaha pemilik ataupun pemilik adalah terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan, mereka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri.

Kebeneran daripada Kementerian Pendidikan juga tertakluk kepada kebenaran dari pihak berkuasa yang lain seperti Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan iaitu Jabatan Tanah, Jabatan Buruh, Jabatan Lembaga Bandaran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Daerah dan Kementerian Kesihatan jika mereka menggunakan premis-premis itu.

Mengenai tuisyen-tuisyen, yang diadakan di rumah-rumah. Kita tidak mengetahui yang tuisyen-tuisyen di rumah itu mungkin tidak berdaftar, tidaklah kita dapat memantau tuisyen-tuisyen yang sedemikian itu. Walau bagaimanapun kita menasihati ibu bapa dan pelajar-pelajar berkenaan yang memilih mana-mana tuisyen yang tidak berdaftar, tetapi jika mereka meneruskan juga tuisyen di tempat-tempat berkenaan maka urusan itu adalah tanggungjawab mereka sendiri.

Sepatutnya mereka harus berdaftar dahulu sebelum melaksanakan kelas tuisyen. Tuisyen-tuisyen di rumah

mungkin sukar bagi kita mengawal Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan dan sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 17 daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola bercakap duduk sahaja.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin, Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ أَسْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sejak peraturan guru-guru dikehendaki mengajar sebanyak 30 *period*, banyak sungutan kedengaran daripada guru-guru berkenaan, terutama sekali di sekolah-sekolah yang kekurangan guru. Sebagai misalan, seorang guru yang mengajar Matematik 3 *level* kelas,

akan dikehendaki mengajar 30 *period*. Ini tidak termasuk mengendalikan aktiviti, program dan kerja lain sekolah. Bebanan guru-guru yang mengajar di prasekolah yang mempunyai pelajar melebihi 15 orang juga sama keadaannya, tambahan lagi jika ada pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bertanya:-

1. Sebelum arahan atau peraturan ini dikuatkuasakan, adakah pihak Kementerian Pendidikan mengkaji sehalus-halusnya tentang impaknya?; dan
2. Jika ada, apakah kebaikan-kebaikan yang akan didapati terhadap peraturan atau arahan tersebut? Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain atas soalan mengenai dengan guru-guru dikehendaki mengajar 30 *period*. Dalam menjawab kedua-dua soalan Yang Berhormat itu, kaola ingin menyatakan bahawa peraturan mengajar 30 *period* bukanlah satu perkara yang baharu. Arahan ini telah pun diperkenalkan

semenjak penghujung tahun 1997 iaitu *to be precised* 6 Oktober 1997.

Melalui garis panduan bebanan mengajar dalam memorandum tersebut mengarahkan setiap guru untuk mengajar 28 waktu seminggu, iaitu bagi Lukisan sebanyak 30 waktu seminggu, Guru Bahasa seramai 100 pelajar bagi setiap guru dengan satu waktu 30 minit. Kementerian Pendidikan sepenuhnya seperti lazimnya dari semasa ke semasa akan mereviu atau mengkaji keperluan guru-guru yang sedia ada. Ia bertujuan antara lainnya untuk memaksimumkan sumber tenaga manusia yang ada membantu dalam proses pengagihan tenaga pengajar yang sama rata bagi setiap sekolah. Membantu dalam perancangan Projek 'C', (*C' Projection*) keperluan guru bagi menggantikan guru yang akan bersara dan sebagainya.

Maka usaha proses meneliti keperluan tenaga guru dan pengagihannya, Kementerian Pendidikan berpandukan peraturan mengajar 30 waktu seminggu. Dalam meneliti beban guru-guru, jika mereka diaturnya mengajar 30 *period*, Kementerian Pendidikan telah membuat perbandingan jumlah waktu guru mengajar bagi guru-guru di negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia. Di kedua-dua buah negara tersebut, jumlah waktu mengajar guru-gurunya ialah purata 17.1 jam seminggu, lebih 17 jam seminggu. Di negara kita jumlah waktu mengajar guru-guru kita adalah purata 10.7 jam seminggu.

Berdasarkan statistik yang dikumpul bebanan mengajar di sekolah-sekolah rendah, setelah adanya penempatan berkenaan mendapati hanya 9.3 peratus guru mengajar melebihi 30 waktu seminggu berbanding 27.4 peratus sebelumnya iaitu pengurangan sebanyak 18.1 peratus. Begitu juga guru-guru yang mengajar kurang daripada 30 waktu seminggu menunjukkan peningkatan. Iaitu kalau dahulunya seramai 38.5 peratus guru yang mengajar lebih daripada kurang 30 waktu, sekarang bertambah kepada 61.7 waktu guru yang mengajar kurang daripada 30 waktu seminggu.

Di sekolah-sekolah menengah, peratus keseluruhan guru dalam 30 waktu seminggu adalah berkurangan juga daripada 19.9 peratus sebelumnya kepada 8.6 peratus iaitu pengurangan sebanyak 11.3 peratus. Manakala guru-guru yang mengajar lebih daripada 30 waktu seminggu juga berkurangan, jika sebelumnya 12.1 peratus kini hanya 7.2 peratus guru-guru di sekolah menengah yang mengajar lebih daripada 30 waktu seminggu iaitu pengurangan sebanyak 4.9 peratus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Amalan yang berlaku di beberapa buah sekolah pada masa ini ialah guru yang mempunyai bebanan mengajar 30 waktu atau melebihi akan dikurangkan beban tugas bukan mengajar (*non teaching responsibilities*) mereka. Pembahagian tugas bukan mengajar ini diberikan kepada beberapa orang guru sebagai pendedahan kepada guru-guru

berkenaan. Ini bagi mengenal pasti potensi dan kompetensi mereka dalam bidang-bidang perguruan dan kepimpinan sebagai persediaan untuk melapis kepimpinan sekolah pada masa akan datang.

Kaola ingin jua menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan dan Jabatan Sekolah-Sekolah mengamalkan sikap terbuka dalam isu 30 *period* ini dan mana-mana guru yang merasa mereka dibebankan mengajar 30 *period* dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain, mereka bolehlah berunding dengan Pengetua atau Guru Besar masing-masing kerana ini adalah isu dalaman pentadbiran sekolah masing-masing. Kita yakin pihak sekolah ingin melihat semua guru dan kakitangannya senang dan gembira mengajar di sekolah tanpa dibebankan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka fikirkan mereka tidak dapat melaksanakannya.

Dalam perkara ini, jika masih ada guru-guru yang merasa dibebankan dengan lebih 30 *period* dan tidak dapat melaksanakannya dengan baik, perkara itu bolehlah dirundingkan dengan pengetua dan guru besar masing-masing untuk mencari penyelesaiannya.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan sekali lagi kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan ahli yang bertanya soalan tadi. Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No 18 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola menjana ekonomi berikutan kejatuhan harga minyak.

Berikutan dengan penurunan harga minyak dunia yang drastik, Negara Brunei Darussalam yang hasilnya bergantung pada minyak dan gas telah mengalami pengurangan pendapatan (*revenue*) yang serius dan kerajaan mengalami defisit pada tahun kewangan yang lepas dan tahun ini. Kalau perkara ini tidak ditangani dengan bijak akan menjejaskan simpanan kewangan negara (*foreign reserve*).

Untuk menangani perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah; "Untuk mengadakan Reformasi Ekonomi dengan mengadakan beberapa langkah terutamanya dalam bidang-bidang perusahaan yang bukan minyak dan gas seperti sektor pertanian, perikanan, perusahaan, perkhidmatan, perindustrian, pelancongan dan memperkembangkan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana".

Untuk mengadakan reformasi ekonomi terutama sekali dalam bidang pertanian hendaklah lebih dahulu dibuat kajian-kajian yang menyeluruh seperti kesesuaian tanah, tali air, bantuan baja dan racun serangga, kepakaran, kewangan, pengolahan dan pemasaran. Usaha untuk sara diri (*self-sufficiency*) bagi ketahanan makanan (*food security*) supaya tidak bergantung sangat ada negara luar serta meningkatkan produktiviti adalah penting.

Ke arah ini kaola ingin tahu:-

1. Adakah sudah dibuat kajian yang terperinci tentang keperluan-keperluan bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian bukan saja menggunakan pakar-pakar luar negeri tetapi juga pakar-pakar tempatan yang mungkin lebih mengetahui masalah tempatan yang dihadapi. Jika ada apa hasilnya?;
2. Berapa peratuskah negara ini mengimport keperluan makanan khususnya beras, buah-buahan, ikan dan sayur-sayuran dari luar negara?; dan
3. Apakah pihak kementerian dapat mengkaji tentang keperluan untuk menubuhkan satu koperasi yang membantu peladang, penternak dan nelayan untuk mendapatkan keperluan-keperluan mereka seperti baja, peralatan-peralatan pertanian, nelayan dan ternakan dan memasarkan hasil mereka dengan berkesan? Dengan adanya koperasi

ini pengendalian pemasaran hasil dan kualiti produk akan terjaga dan boleh bersaing untuk dipasarkan di luar negara?

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Bagi menjawab soalan No. 1 mengenai kajian tentang keperluan bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian. Sebenarnya kajian memang banyak, tapi kajian khusus berkenaan tentang keperluan-keperluan bagi mereka ingin berkecimpung dalam bidang pertanian belum dikatakan ada.

Untuk makluman, pihak kementerian pada masa ini menjalankan kajian dan simulasi kewangan mengenai peluang-peluang dalam bidang agro bisnes termasuk kajian kemungkinan ekonomik ataupun *economic visibility*, analisis kos dan untung rugi bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam satu-satu aktiviti pertanian agrimakanan.

Setiap aktiviti akan dinyatakan berapakah anggaran modal permulaan yang diperlukan, apakah kos operasi yang akan ditanggung, berapakah saiz

optimum perusahaan yang diperlukan bagi peringkat permulaan, apakah teknologi yang sesuai digunakan, apakah bisnes-bisnes tambahan yang lain dapat dilakukan bagi memastikan pertumbuhan bisnes yang berdaya tahan pada masa akan datang dan lain-lain lagi. Di samping itu, kementerian akan terus memberikan nasihat teknikal kepada individu yang hendak berkecimpung dalam bidang pertanian, perikanan, perhutanan dan penternakan.

Selain daripada itu, bagi Program Pembangunan Belia yang ingin berkecimpung dalam pertanian di negara ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah dan akan terus mengadakan kerjasama dalam mengadakan kursus pendek, pertukaran kepakaran melalui latihan taklimat dan seminar dengan institusi tempatan seperti Sekolah Vokasional Wasan dan Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebagai maklumat tambahan, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang menjalankan aktiviti-aktiviti kajian saintifik dan teknikal antaranya kajian tanah untuk menentukan kesesuaian aktiviti pertanian, kajian tali air untuk menentukan keperluan pengaliran terutama bagi tanaman padi, kajian *variety* tanaman untuk memilih *variety* yang sesuai bagi meningkatkan produktiviti ladang, kajian keberkesanan baja dan racun kimia pertanian bagi

menangani masalah kemasaman tanah, kekurangan *nutrient*, masalah musuh dan penyakit tanaman.

Kajian makanan ternakan dan kajian lepas tuai dan pemprosesan produk pertanian. Walau bagaimanapun, sesiapa sahaja yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian dan agrimakanan termasuk penternakan dan perikanan boleh berhubung terus dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengikuti sesi taklimat, kursus, khidmat nasihat dan mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan.

Mengenai soalan berapa peratuskah negara ini mengimport keperluan makanan khususnya beras, buah-buahan, ikan dan sayur-sayuran di luar Negara, kita mengimport beras sebanyak 96 peratus. Buah-buahan tropika kita mengimport sebanyak lebih kurang 60 peratus. Buah-buahan *temperate* kita mengimport 100 peratus. Sayur-sayuran jenis tropika, kita mengimport sebanyak 23 peratus dan sayur-sayuran jenis *temperate*, kita mengimport 100 peratus.

Soalan seterusnya apakah kementerian dapat mengkaji tentang keperluan untuk penubuhan satu koperasi bagi membantu peladang perternak dan nelayan untuk mendapatkan keperluan seperti baja, peralatan dan lain-lain.

Buat masa ini belum ada kajian menyeluruh dijalankan tentang keperluan atau penubuhan koperasi

yang dimaksudkan. Seperi yang kaola maklumkan lebih awal, memandangkan kementerian memberikan fokus kepada pertumbuhan pengeluaran yang cepat, melalui peningkatan produktiviti bagi membantu pengurangan kos pengeluaran seperti juga yang kenyataan Yang Berhormat tadi untuk bersaing di seluruh luar negara, maka kementerian berpendapat bahawa kita harus berfikiran terbuka bagaimana cara yang baik untuk peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak untuk merealisasikan hasrat ini. Peladang, penternak, petani boleh terlibat secara bersendirian, berkongsi modal, melibatkan pelabur-pelabur asing ataupun secara berkoperasi. Yang penting dalam memastikan daya saing ini ialah *scale* ataupun saiz aktibiti. Dengan skala besar maka unit kos akan lebih dapat dikurangi kerana penggunaan teknologi akan lebih berbaloi.

Pada masa ini, terdapat satu atau dua koperasi ataupun hampir koperasi peladang yang aktif mengusahakan tanaman di kawasan kemajuan pertanian, Projek Penanaman Padi Wasan. Walaupun, koperasi ini terdiri daripada kumpulan peladang yang mengusahakan di kawasan yang sama, tapi pengurusan ladang yang ahli-ahlinya adalah tidak mengikut konsep koperasi ataupun pengurusan secara berkumpulan.

Ahli-ahli masih lagi menguruskan ladang secara bersendirian, termasuklah pengambilan buruh, pembelian segala semai-semaian dan bahan-bahan

import seperti baja, racun rumput, racun penyakit dan musuh, penyewaan khidmat penggunaan jentera serta penjualan hasil ladang kepada pengilang. Oleh yang demikian, ahli-ahli tidak dapat meraih manfaat sebenar dari kaedah koperasi serta tidak mampu berdaya saing dalam perusahaan yang mereka usahakan. Ahli-ahli tidak mendapat faedah dari pembelian secara pukal atau *bulk* dengan harga borong dan terpaksa membeli dengan harga runcit yang lebih mahal. Kos pengeluaran yang tinggi ini menyebabkan pengusaha sentiasa berharap agar pihak kerajaan membeli produk atau hasil mereka pada harga yang tinggi daripada harga pasaran bagi memastikan keuntungan mereka.

Berdasarkan simulasi kewangan yang dibuat oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, jika para pengusaha mengendalikan pengurusan ladang benar-benar dengan secara koperasi iaitu mengamalkan skala ekonomi, para pengusaha akan masih mampu menjana keuntungan walaupun dengan bantuan insentif yang terhad, iaitu melalui penjimatan dari segi pembelian bahan-bahan dan import pertanian secara borong dan penggunaan sumber dengan cara sistematik dan berkesan.

Oleh yang demikian, dalam kesempatan ini, pihak kementerian ingin menasihatkan supaya koperasi-koperasi yang berjalan pada masa ini agar betul-betul beroperasi secara koperasi dengan erti kata koperasi yang sebenar,

dengan mengukuhkan *leadership* dan urus tadbir koperasi supaya lebih berkesan. Kaedah koperasi jika dilaksanakan secara betul akan dapat mengurangkan kos operasi, akan tetap menjanjikan keuntungan yang memuaskan dan dengan demikian mengurangkan pergantungan dengan subsidi kerajaan serta tidak lagi bergantung pada kerajaan untuk membeli produk mereka.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat. Saya kira jawapan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sudah cukup untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi

.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi jawapan lisan bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah diberi notis iaitu bagi Perkara V, saya berpendapat cukuplah dulu setakat ini, setakat Soalan No.18, kerana kita masih lagi mempunyai Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang perlu kita segerakan untuk ditunduki. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada hari Sabtu, kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Pendidikan dan pada pagi ini sebelum kita menyambung semula perbahasan mengenai dengan Tajuk SH01A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan atau penjelasan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang belum dijawabnya. Dengan yang demikian, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keizinan Yang Berhormat Pengerusi memberi laluan bagi kaola

untuk menjawab beberapa soalan yang telah pun dikemukakan pada hari Sabtu lalu yang mana tidak sempat dijawab. Rasanya kalau tidak dijawab Yang Berhormat Pengerusi, berhutang rasanya. Kaola meminta sedikit masa untuk menjawab soalan-soalan yang telah pun dikemukakan.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu mengenai dengan apakah usaha Kementerian Pendidikan untuk menambah tenaga pengajar yang berkemahiran bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas untuk masuk ke pendidikan biasa?

Rancangan jangka pendek, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha mengendalikan *ongoing training* dalam pendidikan khas bagi guru-guru sekolah dan pada Februari hingga Mei yang lepas, Kementerian Pendidikan telah pun mengendalikan kursus singkat iaitu Pengenalan Pendidikan Inklusif bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah yang berminat mengajar secara *part time*.

Kursus ini bertujuan melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menangani pelajar yang berkeperluan khas. Selepas menamatkan kursus, guru-guru ini telah dilantik sebagai Guru Pembantu Pembelajaran (*Learning Support Teacher (LST)*) bagi sekolah masing-masing dan seramai 33 orang Guru *LST* dari 31 buah sekolah rendah dan 34 orang Guru *LST* dari 23 buah

sekolah menengah telah menyertai dan menamatkan kursus berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu mengenai peralatan persekolahan sama ada maklumat mengenai peralatan persekolahan yang tidak mencukupi di kawasan sekolah pedalaman, di kawasan sekolah luar bandar telah dilaporkan ke Jabatan Sekolah-Sekolah dan apakah tindakan?

Sebenarnya dari semasa ke semasa Kementerian Pendidikan memantau akan pembekalan peralatan sekolah sama ada untuk bantuan mengajar ataupun pentadbiran sekolah-sekolah. Dalam hal ini, peralatan membantu mengajar sememangnya dihulurkan ke semua sekolah termasuklah sekolah luar bandar. Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang rungutan daripada guru-guru mengenai kesukaran mengeluarkan peruntukan sendiri bagi membekalkan peralatan sekolah tersebut.

Walau macam manapun, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee atas soalan tersebut dan, insya-Allah, kita akan memastikan bahawa setiap sekolah di kawasan luar bandar akan juga mendapat bekalan peralatan sekolah seperti yang diperlukan oleh pihak sekolah.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu mengenai soalan memberi makan dan minuman dan

bagaimana untuk mengelakkan pembaziran?

Sepertimana yang dimaklukkannya bahawa sebahagian daripada anak murid tidak memakan makanan-makanan yang telah dibekalkan. Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah pun mengkaji dan meneliti semula keberkesanan pemberian makanan dan minuman kepada pelajar-pelajar. Hasil daripada kajian tersebut pada masa ini bekalan makanan dan minuman tersebut telah pun diubah daripada makanan yang dimasak kepada pelbagai buahan, biskut, roti dan minuman kotak seperti *soya bean, milo, strawberry, chocolate* dan jus. Bagi mengelakkan pembaziran pemantauan terhadap keberkesanan ke atas pemberian jenis makanan dan minuman yang baharu kepada para pelajar akan terus dilaksanakan iaitu bagi memastikan makanan ini akan dimakan oleh pelajar-pelajar berkenaan.

Dari segi kesihatan senarai minuman ataupun buah-buahan yang akan telah diberikan pun dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan mengikut senarai yang bermula sejak 1 Januari 2016. Adapun makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah juga berpandukan pada barang-barang yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kita beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai *status* 6 buah sekolah rendah di kawasan zon 4. Ingin kaola menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengatur perancangan

bagi memastikan prasarana kemudahan sekolah-sekolah di seluruh negara dalam keadaan yang teratur dan baik. Kerja-kerja utama dalam memfokus kepada 2 aspek iaitu membaik pulih kerosakan dan penambahbaikan dan menaik taraf. Dalam 2 aspek ini kita meneliti dari semasa ke semasa mana-mana yang perlu dibaiki segera akan dibaiki segera dan mana-mana yang dapat ditangguhkan mengikut kemampuan Kementerian Pendidikan.

Walau macam manapun Kementerian Pendidikan secara berterusan akan melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kerosakan pada setiap masa berdasarkan keupayaan peruntukan yang disediakan.

Walau bagaimanapun mana-mana kerosakan yang belum dapat dilaksanakan langkah-langkah awal bagi mencegah dari ia boleh menjadi risiko keselamatan akan diambil kira dan kawasan-kawasan tersebut akan dibaiki secepat yang mungkin. Perihal padang Sekolah Rendah Putat yang telah pun berkali-kali ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan masih belum ada jawapan yang tepat mengenainya, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan (JPPE) telah pun siap menyediakan perancangan dan skop kerja dan ia tertakluk kepada keutamaan Kementerian Pendidikan apabila ada peruntukannya nanti.

Walau macam manapun kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut yang menunjukkan keprihatinan Yang

Berhormat mengenai keadaan sekolah-sekolah Rendah di kawasan berkenaan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim tentang elaun bulanan \$350.00 dan elaun buku sama ada akan dinaikkan ataupun dikaji semula berdasarkan keperluan seharian yang meningkat perkara ini diambil maklum dan kita akan mengkaji kesesuaiannya sama ada perlu dinaikkan ataupun tidak.

Seterusnya mengenai tempat tinggal guru-guru di Daerah Temburong. Sebenarnya isu ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kementerian Pendidikan memang mengutamakan keselesaan dan keselamatan para penghuni flat dan rumah guru dan ke arah itu segala pelaksanaan pembaikan adalah mengutamakan aspek-aspek tersebut. Maka bagi kerja-kerja pemuliharaan dan membaik pulih kerosakan-kerosakan di flat dan rumah guru di Daerah Temburong yang segera ia sedang dilaksanakan pada masa ini secara berkontrak.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai dengan isu penyaragaman cuti sama ada pada hari Jumaat dan hari Sabtu dapat disamakan. Perkara ini bukanlah dapat dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja mungkin melibatkan agensi-agensinya yang lain. Perkara itu kita serahkanlah kepada agensi lain yang

untuk mengambilnya dan kita akan duduk bersama berbincang kesesuaian menyaragamakan cuti 2 hari seminggu itu.

Yang Berhormat Pengerusi. Di sebelah tengah hari kita ada beberapa soalan, jadi kaola ingin menjawab jua soalan yang belum terjawab itu secara ringkas:

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai perkembangan kursus-kursus pertanian di Sekolah Vokasional Wasan. Pada menjawabnya diperingkat teknikal dan vokasional *Campus IBTE* (Sekolah Vokasional Wasan) menawarkan program-program yang menjurus kepada 3 bidang Agri-makanan seperti Program Pertanian (*Agriculture*) yang merangkumi bidang dan perternakan, Program Perikanan dan *Agro culture, Fisheries and Agriculture* dan Program Pemprosesan Makanan (*food processing*) program-program tersebut menawarkan 2 peringkat persijilan iaitu *National Technical Education Certificate (NTCEC)* dan *Higher National Technical Certificate (HNTC)* pada bulan Julai 2016.

Satu kursus baru akan diperkenalkan iaitu *National Technical Education Certificate And Techno In Agro Technology*. Bagi memastikan program-program yang ditawarkan *IBT* adalah bersesuaian, *IBT* melaksanakan *future analysis* dalam menimbangkan rupa bentuk dan jenis program dengan mengambil kira 6 faktor iaitu nisbah filem pertama, nisbah pemohon, purata kadar menamatkan kursus, purata kadar

diambil bekerja, kadar-kadar relevan dan keperluan industri. *So we are doing all this* untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan itu ada faedahnya bagi pelajar-pelajar dalam mendapatkan pekerjaan.

Seterusnya, kaola ingin berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin iaitu isu mengenai pelajar yang mempunyai 5 'O' level yang tidak dapat diterima masuk ke institut teknikal dan vokasional. Malah mereka ini dinasihatkan untuk terus ke Pusat Tingkatan 6 dan adakah isu teknikal dan vokasional negara mampu menerima jumlah pelajar yang ramai.

Pemohon-pemohon yang mempunyai 5 'O' level ke atas boleh diterima masuk tertakluk dapat memenuhi syarat-syarat dikenakan yang antara lainnya mempunyai mata pelajaran yang *relevant* dan sebagainya. Oleh sebab kekurangan tempat pengajian, adalah salah satu sebab mengapa pengambilan perlu disekat dan mereka diarahkan untuk atau pun disarankan untuk menyambung sahaja ke tingkatan 6.

Insya-Allah, buat pada masa ini usaha dilaksanakan bagi menerima peningkatan kemasukan pelajar-pelajar iaitu kita akan menambah kapasiti kemasukan pelajar-pelajar institut teknikal dan vokasional ini kerana dalam pelan menaik taraf Pendidikan Teknik Brunei Darussalam 2013/2018 Institut Pendidikan Teknikal Brunei mempunyai perancangan bagi pembinaan 2 buah kampus mega yang boleh menampung

kira-kira 4000 pelajar bagi setiap kampus pada satu masa. Kita inginlah supaya mereka ini dapat diambil kemudiannya bila kita mendapat lebih banyak ruang tempat untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin juga bertanya mengenai status peperiksaan lokal supaya setanding dengan peperiksaan antarabangsa seperti peperiksaan (SPE) pada tahun 8 tidak berprofil tinggi sama dengan *GCE 'O' Level* yang telah pun diperkenalkan kepada kanak-kanak. Dalam perkara ini kementerian ingin menjawab bahawa dalam SPN 21, SPE adalah satu penilaian yang menjurus dalam melihat kekuatan pelajar dan dijadikan sebagai sukat-sukat bagi menentukan pilihan hala tuju bagi pelajar untuk mengikuti program-program pendidikan yang ditawarkan diperingkat menengah.

Kementerian Pendidikan adalah mengambil maklum kepentingan (SPE) dalam membantu pelajar dalam membuat pilihan hala tuju pendidikannya iaitu sama ada Mengikuti Program Pendidikan Menengah General 4 tahun atau pun Program Pendidikan Menengah General 5 tahun dan Program Pendidikan (*Aflight Special Aflight V-Tec Programme*). Oleh yang demikian usaha berterusan giat dilaksanakan bagi memastikan bahawa pelaksanaan SPE ini akan lebih mantap dan memenuhi kehendak objektifnya.

Akhir sekali ada satu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Mengenai Pusat Pengajian Strategi dan Polisi (CSPS) Berapa banyak sudah kajian yang dibuat, apakah susulan dan apakah penemuan-penemuan itu dikongsikan dan sebagainya. Jawapan kita dalam perkara ini ringkas sahaja iaitu kajian *CSPS* ini adalah bukanlah di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa akan berkerjasama rapat dengan *CSPS* dalam menjalankan kajian berkaitan dengan pendidikan.

Soalan seterusnya ialah mengenai guru pakar. Berapa ramaikah guru pakar, tenaga pakar dan tenaga mahir yang telah didatangkan dan apakah tugas dan tanggungjawab mereka. Apakah strategik bagi pihak Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan projek ini dan apakah bentuk program-program yang telah dirancang yang telah dilaksanakan.

Setakat ini belum ada tenaga pengajar yang didatangkan melalui Projek Guru Pakar. Pada masa ini penelitian sedang dibuat untuk proses mendatangkan Ketua Sumber Tenaga Manusia, 2 pakar Pembangunan Profesional dan 30 *coaches literacy* Bahasa Inggeris dan 30 *coaches numeracy* dan sejumlah 200 graduan Bahasa Inggeris dan *numeracy* tempatan.

Mengenai tugas dan tanggungjawab tenaga pakar dan projek dan pengajar ini, skop kerja adalah seperti berikut:-

1. Ini merangkumi pengambilan Pakar Penasihat, Ketua Sumber Tenaga Manusia, Pakar Perkembangan Professional (*coaches* bagi *literacy* Bahasa Inggeris dan *numeracy*) dan termasuk guru-guru tempatan seramai 200 orang;
2. Rumusan menyeluruh bagi pakar-pakar dan graduan-graduan tempatan yang diambil serta penempatan bertugas, gaji, tempat tinggal dan apa-apa keperluan logistik mengenainya masih dalam pengurusan; dan
3. Kita juga menyediakan Program Perkembangan Profesional bagi graduan tempatan termasuk guru-guru *literacy* dan *numeracy* guru-guru tempatan diikuti dengan penyediaan program pemantauan dan sokongan yang sistematik.

Mengenai strategi pihak kementerian bagi pelaksanaan projek ini, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa pegawai serta guru yang mendampingi pakar-pakar yang akan didatangkan bagi memastikan ia ada *knowledge transfer* dalam projek ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kepada soalan-soalan yang tidak sempat dijawab pada hari Sabtu yang lepas dan kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita menyambung semula untuk

membincangkan Tajuk-Tajuk SH01A hingga SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Pada hari Sabtu yang lepas kita telah mendengar ucapan pendahuluan atau mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tentang Rang Belanjawan kementeriannya.

Di hadapan saya ada senarai seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk mengemukakan sama ada soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan tentang belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang telah disampaikan pada petang Sabtu. Kaola hanya ingin menimbulkan 3 perkara berhubung dengan 2 jabatan iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Mengenai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, kaola tertarik dengan misi

dan visi kementerian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri yang akan memberikan penekanan kepada meningkatkan produktiviti berterusan dalam pengeluaran industri-industri Pertanian dan Perikanan, Perhutanan dan Pelancongan.

Kaola bersetuju dan menyokong penuh atas hasrat yang telah dibentangkan dalam Jadual Anggaran Perbelanjaan 2016/2017. Kementerian ini *rightly show* bahawa Jadual Anggaran Perbelanjaan telah memberikan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan peruntukan yang paling tinggi antara jabatan di bawahnya iaitu berjumlah \$30,679,230.00.

Kaola hanya ingin memohon penjelasan sedikit, mungkin kaola masih kurang faham mengenai beberapa perkara. Kalau melihat *Key Performance Indicators (KPI)* bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi Tahun Kewangan yang akan datang, nampaknya jabatan ini membuat sasaran untuk menurunkan pencapaian-pencapaian yang akan diperolehi oleh jabatan ini dalam beberapa sektor.

Sebagai misalan, sasaran bagi peratus peningkatan pengeluaran sektor pemprosesan agrimakanan akan diturunkan dari 19 peratus kepada hanya 3 peratus pada setiap tahun. Bagi sasaran peratus peningkatan hasil ternakan rumin dan bukan rumin ia akan diturunkan daripada 4.6 peratus kepada hanya 2 peratus pada setiap tahun. Sementara sasaran bagi peratus

peningkatan kadar pengeluaran padi akan diturunkan daripada 30 peratus kepada hanya 12 peratus pada setiap tahun.

Semasa membahaskan Rang Undang-Undang Belanjawan 2016/2017 kaola juga telah menimbulkan kedudukan beberapa projek di bawah Tajuk Pertanian dalam RKN Ke-10 yang masih mempunyai baki peruntukan yang besar.

Pada menjawab pertanyaan kaola sebelum ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa kerajaan telah mengambil langkah untuk menilai semula projek-projek tersebut dengan mengambil kira kaedah *cost benefit analysis* dan mana-mana projek yang hanya mempunyai impak minimum akan ditangguhkan pelaksanaannya dan diteliti keutamaannya semula.

Dari itu, dengan meneliti *KPI* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti yang kaola sebutkan di atas dan juga mengambil kira ke atas penangguhan beberapa projek di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah RKN Ke-10 seperti Projek Pemprosesan dan Pembangunan Produk yang masih mempunyai baki peruntukan sebanyak 78 peratus, kaola memohon penjelasan bagaimanakah dalam 3 tahun ke hadapan ini Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan mencapai misi dan visi seperti yang dijelaskan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Perkara kedua mengenai Projek Penanaman Padi. Kaola *straight to the point sahaja*. Projek ini telah bermula sejak tahun 2009, kaola ingin bertanya setelah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengungkayahkan projek ini selama kira-kira 6 tahun dan dalam negara sedang menghadapi kemerosotan pendapatan kewangan, adakah sudah dinilai semula sama ada projek ini boleh diteruskan penghasilannya dengan menggunakan strategi yang sama yang dijalankan selama ini atau dalam kata lain adakah kaedah pengendalian yang digunakan selama ini ke atas pelaksanaan projek ini *sustainable* dalam jangka panjang?

Yang terakhir mengenai pelancongan. Alhamdulillah, pelancongan telah pun diberikan keutamaan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola hanya ingin menyuarakan cadangan supaya pelancongan ini diusahakan oleh sektor swasta atau melalui *PPP*. Kalau pendapat langkah atau kerja untuk mentadbir dan memasarkan (*marketing*) pelancongan akan lebih berkesan jika ianya dikendalikan oleh sektor swasta yang lebih inovatif dan kreatif. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 4 Tajuk untuk disuarakan. Sebelum itu, kaola lebih dahulu juga mengucapkan tahniah atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari Sabtu lepas. Kaola menyokong penuh dan berharap peruntukan sejumlah \$57 juta itu akan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang.

Antara projek ialah produk pelancongan yang sudah terkenal di Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara. Dalam kesempatan ini kaola berharap pihak kementerian tidak akan terlepas perhatian akan potensi produk-produk pelancongan yang terdapat dan sudah dikenali ramai di Daerah Tutong dan Belait. Seperti Mukim Kuala Balai yang pernah satu ketika dulu menjadi pusat pentadbiran di daerah tersebut. Pernah diura-urakan untuk dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan iaitu *birdwatching*. Demikian juga kawasan pedalaman yang lain terdapat beberapa destinasi pelancongan semula jadi yang boleh dikembang majukan. Sebahagian besar kawasan pedalaman di daerah tersebut adalah dalam kawasan *Heart of Borneo*.

Kaola ingin bertanya demi menyumbang ke arah pertumbuhan *GDP* ekonomi negara, apakah pemikiran atau perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Adakah sesuai produk-produk pelancongan di daerah tersebut

dusahakan secara *Public Private Partnership* atau *PPP*?

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Sabtu lepas juga, akan membelanjakan \$8.2 juta. Dengan menekankan akan menumpukan projek *aquaculture* terutama pemeliharaan ikan dalam sangkar di laut dan ternakan udang di darat bagi sasaran meningkatkan penghasilan 200 ke 300 juta menjelang tahun 2020.

Di Daerah Belait, pengusaha-pengusaha perikanan agak kurang jika dibandingkan dengan di Daerah Brunei dan Muara dan juga Daerah Tutong. Tetapi nelayan-nelayan persendirian di daerah tersebut agak besar juga bilangannya. Jabatan Perikanan di daerah tersebut pernah membantu menjadikan tempat-tempat penurunan perahu bagi memudahkan para nelayan turun ke laut dan mengadakan beberapa jerayawara mengenai tempat-tempat larangan menangkap ikan dan peraturan-peraturan pelesenan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Kaola cadangkan, supaya Jabatan Perikanan akan dapat turun padang membuat perjumpaan khusus dalam usaha mendengar aspirasi para nelayan di daerah tersebut dan sekali gus memaklumkan perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menarik minat para nelayan untuk mengembangmajukan perusahaan perikanan mereka.

Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kaola berterima kasih dan mengalu-alukan harapan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan peruntukan sebanyak \$30.6 juta. Sejumlah \$6 juta akan difokuskan kepada penanaman padi, membangun infrastruktur seperti saluran pembelian *machinery*, skim pembelian balik padi tempatan dan lain-lain lagi.

Semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelum ini, kaola telah pun dimaklumkan bahawa satu kajian saluran telah dijalankan bagi lot tanaman padi Sengkuang di Mukim Labi. Soalan dan cadangan kaola:-

1. Adakah kajian tersebut telah diluluskan dan adakah termasuk dalam Anggaran Peruntukan Tahun 2016/2017 ini?;
2. Bagaimana dengan bekalan baja dan racun serangga, adakah sentiasa mencukupi untuk kemudahan para petani dan peladang di mukim-mukim pedalaman?;
3. Apakah perancangan jangka panjang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi mengembangmajukan aktiviti pertanian di kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Belait?;
4. Kaola mencadangkan supaya Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenalkan kembali skim penanaman buah-buahan bagi

menggantikan tanaman limau manis kerana terjejas akibat diserang penyakit sebagai satu dukungan kepada usaha kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara.

Kaola menyokong penuh usaha kementerian melalui Jabatan Perhutanan melaksanakan bahan siap perhutanan untuk dieksport ke luar negara bagi menambah KDNK negara. Di Daerah Belait terdapat beberapa kilang kayu balak yang menghasilkan produk pasang siap dari kayu balak. Selain itu, terdapat juga kawasan yang boleh dikembangmajukan oleh Jabatan Perhutanan seperti tempat latihan *outward bound* bagi kem belia menjalani latihan dan aktiviti lasak di kawasan Bukit Teraja. Sementara itu, di Hutan Simpan Teraja dan Mendaram terdapat tanaman herba sebagai salah satu sumber penyelidikan menyokong Pusat Biodiversiti, Sungai Liang dan sekali gus menambah destinasi pelancongan ke negara ini; dan

5. Adakah dalam pemikiran Jabatan Perhutanan untuk mengusahakan perkara yang disebutkan di atas tadi secara *public private partnership*? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bajet yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (*MPRT*) adalah sebanyak \$57 juta pada tahun 2016. Peruntukan ini yang dikhaskan kepada pelancongan adalah sebanyak \$2 juta lebih sahaja. Peruntukan ini untuk menaik taraf produk pelancongan seperti Ulu Temburong, *National Park*, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Jika dilihat dalam perancangan ini, peruntukan \$2 juta lebih ini, tidaklah mencukupi untuk mempromosikan Brunei Darussalam ke luar negeri. Bagi pendapat kaola, kita hanyalah perlu memfungsikan promosi ini di negara-negara *ASEAN* sahaja yang penduduknya kurang lebih seramai 2 bilion orang. Pelancong dari negara ini juga, merupakan pelancong yang berkualiti. Pada masa ini *Royal Brunei Airlines (RB)* destinasi penerbangannya ke UK, Australia, China, Hongkong dan negara lain.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin bertanya adakah pihak Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (*MPRT*) melakukan sebarang kajian tentang berapa peratuskah jumlah pelancong yang *transit* dan juga berapa ramaikah pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam?

Kaola juga ingin mencadangkan supaya *Royal Brunei Airlines (RB)* membuat satu pakej promosi pelancongan supaya pelancong dapat tinggal di Brunei selama 2 atau 3 hari. Ini akan menguntungkan *spin off* kepada pihak hotel, restoran dan lain-lain.

Lapangan Antarabangsa Brunei merupakan sebuah *airport* yang kecil dan unik. Para pelancong yang datang tidak mengalami apa-apa masalah apabila memasuki ruang bangunan lapangan terbang. Namun yang menjadi masalahnya ialah dokumen yang perlu diisi sebanyak 3 dokumen. Dokumen yang diisi ialah borang imigresen, kesihatan dan kastam. Manakala orang-orang tempatan mengisi 2 dokumen iaitu kesihatan dan kastam. Hal ini sedikit sebanyak tidak memberikan keselesaan dalam proses kemasukan ke negara ini. Di negara lain seperti Malaysia dan Dubai tidaklah memerlukan pelancong mengisi ketiga-tiga borang berkenaan. Di negara lain hanya perlu mengisi borang imigresen sahaja dan borangnya sangat ringkas jika dibandingkan dengan Negara Brunei Darussalam.

Saranan ini wajar, manakala setiap bahan yang ditegah masuk ke Negara ini bolehlah diumumkan oleh pramugara/pramugari sebelum mendarat. Oleh yang demikian, kaola berharap agar hal ini diberikan perhatian dan disemak semula, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari Sabtu, 12 Mac 2016.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai isi kandungan mukadimah tersebut iaitu tentang meningkatkan industri-industri perhutanan, perikanan, pertanian, pelancongan dan pemprosesan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama, berkaitan industri perhutanan iaitu mengenai pokok jati (*Foillum Sennae*), dari keluarga *Fibi Asis* yang mempunyai 236 spesis yang hidup dengan mudah dan subur, boleh didapati di mana-mana dengan banyak. Pokok jati di negara kita bengkok-bengkok kerana hidup liar tumbuh sendiri. Berlainan dengan negara jiran yang ditanam secara teratur dan rapat menjadikannya tumbuh lurus dan meninggi.

Sehubungan dengan itu, adakah rancangan untuk memanfaatkan sumber

pokok ini untuk membuat perabot, misalannya, papan lapis dan arang?

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai industri perikanan, khidmat nelayan kecil dan tradisional sepenuh masa yang masih menggunakan secara PPT iaitu perahu, pukut dan tenaga adalah sangat dihargai kerana mereka juga turut serta menyumbang kepada sektor ekonomi negara. Bilangan mereka lebih banyak dari nelayan moden yang menggunakan kapal besar dan menggunakan tenaga orang luar.

Bagi nelayan tradisional ini, sukar bagi mereka untuk meningkat dan maju menjadi pengusaha berjaya kerana masih terdapat kekurangan. Misalannya, hasil tangkapan yang sedikit, tidak ada tempat jualan ikan yang selesa, tidak ada tempat penyimpanan ikan, tidak ada peralatan pemprosesan dan tidak ada pengetahuan membuat produk tambah nilai (*value added*) dari sumber perikanan.

Contohnya, nelayan-nelayan di Telisai yang berpusat di pondok penjualan ikan di Kampung Danau. Apabila musim tengkujuh, pendapatan selama 3 bulan langsung tidak ada. Oleh itu, adakah perancangan untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang tersebut di atas tadi, termasuk membimbing mereka menubuhkan koperasi nelayan dengan bantuan modal permulaan, pengurusan koperasi dan pemantauan sehingga berjaya.

Seterusnya, kaola menyentuh tentang industri pemprosesan. Kita melihat

produk makanan berasaskan pertanian, jumlahnya banyak dijual di merata tempat di gerai-gerai negara ini, misalannya ada sumber dari ubi-ubian, pisang, buah-buahan dan lain-lain. Apabila tiba musim buah rambutan, ia terbiar begitu sahaja tanpa ada suatu tindakan atau untuk memprosesnya.

Soalan kaola, apakah ada suatu perancangan akan datang menyatukan produk makanan ini dalam satu pemusatan agar ia dapat diperbanyakkan dan diperbaiki ke tahap pemprosesan di peringkat tinggi agar ia dapat dieksport seperti mana dalam perancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang akan datang.

Dalam mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menjelaskan tentang rancangan pemprosesan peringkat tinggi bersumberkan daging.

Soalan kaola, bagaimanakah cara mendapatkan sumber daging sedangkan di negara kita, bekalan daging masih lagi mengimport dari luar dan jika ini diproses tentulah harga produk yang terhasil lebih mahal dan sukar menembusi pasaran luar dan dalam negara.

Berhubung dengan industri pelancongan, berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*), Jabatan Kemajuan Pelancongan berperancangan untuk meningkatkan kedatangan pelawat

ke negara ini iaitu sasaran dari 3 peratus kepada 5 peratus menjelang tahun 2017 dan 2018.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Daerah Tutong kini sudah menjadi destinasi pelancongan. Sasaran utamanya ialah lawatan ke Taman Sungai Basong kerana di dalamnya ada rumah budaya etnik-etnik Daerah Tutong. Rancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mempertingkatkan lagi keadaannya sangat disambut baik kerana rumah-rumah etnik yang ada pada masa ini perlu dibina semula dengan bentuk yang betul-betul asli mengikut etnik dan pembinaannya perlu merujuk kepada orang tua-tua mengikut etnik mereka.

Kawasan sekitarnya pula perlu dibina dengan bentuk rasional dengan peralatan kehidupan harian etnik. Misalannya, etnik kedayan yang kerja hariannya bertani dan berburu secara memasang jerat; puak Tutong misalannya bertani, memproses sagu; etnik Dusun bertani, menangkap ikan dan menganyam; etnik Iban bertani dan berburu secara menyumpit dan menjerat; etnik China bertani, bertukang dan berniaga.

Selain itu, kerjasama juga perlu oleh agensi-agensi pelancongan dan *stakeholders* dari mukim-mukim dan kampung Daerah Tutong perlu ada untuk menentukan tempat-tempat lawatan lain di kawasan masing-masing, misalannya, menyusur Sungai Tutong,

Tasek Merimbun, Wasai Bedanu, Telaga Tujuh, Gerai Mukim, Tamu Tutong, Inap desa dan tempat-tempat makan secara tradisional.

Selain itu, ialah persembahan kebudayaan dan galeri produk mukim dan kampung agar semua terlibat dan berampit-ampitan. Ada lagi tempat-tempat yang perlu diambil perhatian untuk dinaik taraf agar ia boleh dimasukkan dalam senarai-senarai pelancongan di Daerah Tutong.

Misalannya:-

1. Untukewartakan dan memelihara pasir putih agar ia terkawal dari tempat pembuangan sampah dan membuat kerosakan;
2. Tanjung Danau dan Jeti Bantun yang dibina dari tahun 40-an dijadikan tempat riadah dan jualan ikan;
3. Hutan Piku sebagai tempat Taman Negara atau *National Park*, yang kini sudah dapat dilalui setelah siapnya Lebu Raya Telisai-Lumut; dan
4. Pembinaan jeti di tempat-tempat bersesuaian untuk persinggahan lawatan di sepanjang menyusur sungai dari Sungai Tutong, Sungai Danau hingga ke hulu Sungai Telamba.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira adalah berpatutan bagi kita sekarang untuk menangguhkan dahulu Mesyuarat kita di peringkat Jawatankuasa ini dan kita akan berpindah semula untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya bercadang untuk menangguhkan Mesyuarat kita ini selama 20 minit bagi kita berehat.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahi Rahmannir Rahim. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat bersidang semula setelah kita berehat selama 20 minit. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Mesyuarat Belanjawan 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebentar tadi, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan, kita telah mendengar seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan berkenaan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Bagi mengelakkan pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Dilantik terlalu banyak dikumpulkan, maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sama ada ia suka untuk memberikan responsnya pada ketika ini?

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih suka menjawab soalan yang diajukan sekarang. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 4 soalan tadi. Kaola mengucapkan berbilang-bbilang terima

kasih atas sokongan terhadap cadangan perancangan seperti yang kaola nyatakan dalam mukadimah beberapa hari yang lalu. Ada beberapa soalan:-

1. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah berkenaan dengan *KPI* yang tertera di buku Anggaran Belanjawan 2016/2017.

Seperti yang dimaklumi bahawa *KPI* ini telah dibuat sebelum kaola pindah ke kementerian ini, kaola telah meneliti *KPI* ini, dan telah berunding dengan pegawai-pegawai di kementerian, dan juga dengan Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam peruntukan dalam memikirkan untuk *direvise-up* sebenarnya. Kaola mendapati *KPI* ini terlalu rendah dan tidak selaras dengan hala tuju kementerian. Insya-Allah perundingan akan dibuat untuk *merevise-up KPI* berkenaan; dan

2. Berkenaan dengan pelancongan. Seperti jua mukadimah beberapa hari yang lalu, ada 3 sektor ataupun kategori produk yang dikenalkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama iaitu:-

- i. *Primary Product*. Produk yang sudah *more or less* kukuh dan diperkukuhkan lagi. Seperti produk pelancongan di Batang Duri dan Ulu Temburong, produk pelancongan di Kampung Air dan produk pelancongan di Bandar Seri Begawan;

- ii. *Secondary Product* iaitu seperti pantai-pantai, kawasan-kawasan di taman-taman peranginan, perhutanan dan lain-lain lagi; dan

- iii. *Activities*, seperti *diving*, *boat watching*, *Islamic Tourism*, *Medical Tourism*, *meeting* dan lain-lain lagi. Strategi kita adalah dengan mengukuhkan dahulu yang *primary product* itu.

Ada baiknya kita tumpukan perhatian Bandar Seri Begawan, kawasan di Kampung Air dan Ulu-ulu Temburong. Sebagai contoh, kalau kita melancong ke Daerah Temburong banyak isu yang perlu dikukuhkan dari segi keselamatan, keselesaan dan notis-notis untuk memastikan pelancong itu merasa selamat melalui *briefing*, *maintenance* dan *facilities*.

Jangan yang sudah kukuh ini tidak dapat dikekalkan. Nanti akan ada masalah lain yang berlaku atau kemalangan. Jika pelancong sudah berada di sana, kita *making sure* supaya mereka *feel safe and comfortable*. Mereka mungkin akan datang lagi berkunjung atau memberitahu kawan-kawan untuk datang lagi ke sana.

Mengenai strategi penanaman padi sama ada keluaran padi akan diteruskan atau tidak. Strategi untuk menambahkan padi memang akan diteruskan. Kaedahnya akan diubah dengan kaedah memperkenalkan *variety* yang mempunyai penghasilan yang tinggi. Pada masa ini kitani

mengusahakan padi jenis 'Laila' yang mengeluarkan hasil sebanyak 4 ke 5 ton padi per hektar.

Pada tahun 2017, kita akan memperkenalkan padi 'Titih' yang mempunyai *yield* sebanyak sekurang-kurangnya 8 ke 10 tan per hektar. Pada masa ini, Jabatan Pertanian sedang mengumpulkan benih-benihnya untuk dapat ditanam mulai 2017. Sambil itu kita juga sedang meneliti mungkin mendapat *variety* yang kecil yang lebih produktif lagi yang hasilnya meningkat kepada 12 tan per hektar. Ini mungkin akan dapat diperkenalkan dalam 2019.

Walau bagaimanapun, semua jenis padi ini hanya akan dapat ditanam di kawasan yang pengairannya mencukupi seperti di kawasan Daerah Brunei dan Muara, iaitu Wasan, Limau Manis dan Batong. Di tempat-tempat lain seperti di Daerah Temburong dan di Daerah Belait juga di kawasan pengairannya belum lagi lengkap maka masih juga akan di *introduce variety* yang lain daripada padi tradisional seperti padi yang dipanggil Beras BDR5 iaitu campuran 'Laila' dan padi tradisional. Ini akan dapat menghasilkan 5 tan per hektar.

Selain itu mungkin juga tertakluk kepada keupayaan kita berbelanja. Penanamannya mungkin akan dilaksanakan di Kampung Selapun yang mempunyai takungan air yang lebih efektif. Mungkin *variety* padi dapat diperkenalkan di Daerah Belait.

Selanjutnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkenaan perkembangan pelancongan di Daerah Belait. Sebagai contoh di Kampung Kuala Balai dan tempat tumpuan lain. Seperti yang kaola maklumkan tadi bahawa fokus masa ini ialah di kawasan *primary* dahulu dikuatkan. Walau bagaimanapun kita tidak akan menafikan untuk mengusahakan tempat-tempat lain sebagai tarikan pelancongan. Cara lain yang digunakan ialah menggalakkan *private sector*, pihak pengusaha tempatan dan luar negara untuk menilai kesesuaian sesuatu tempat itu untuk dijadikan destinasi pelancongan.

Pada masa ini sebagai contoh, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan telah bekerjasama dalam *pilot scheme* menerbitkan *RFP* iaitu semacam tender bagi pihak swasta untuk mengurus, mengendalikan dan juga memelihara *Berakas Forest Reserve*. Contohnya, bila hal ini sudah dilakukan, *Berakas Forest Reserve* akan dikembangkan sebagai destinasi pelancongan oleh pelabur atau pengusaha ini untuk menarik pelancong sama ada untuk *berpicnic*, mengadakan *mountain biking*, aktiviti-aktiviti pantai ataupun berehat-rehat sahaja.

Pengusaha ini akan menyediakan tempat berniaga untuk disewa dan hasil sewaan itu digunakan untuk kerja-kerja, pemeliharaan. Jika berjaya perkara ini akan dilaratkan ke tempat-tempat lain, seperti di kawasan Bukit Shahbandar, di pantai-pantai dan mungkin juga

di Daerah Tutong seperti di Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan Pasar di Tutong, *even* di Bandar Seri Begawan juga seperti kawasan Taman Peranginan Tasik dan kawasan Tamu Selera dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, tempat-tempat ini adalah kepunyaan pelbagai agensi. Kementerian akan berunding dengan kementerian yang berkepentingan untuk sama-sama memajukan tempat-tempat berkenaan sebagai destinasi pelancongan secara *PPP*.

Berkenaan soalan perikanan, kaola mendapati beberapa soalan yang keliru dengan peruntukan iaitu Gaji. Peruntukan Berulang-Ulang dan Peruntukan Khas. Peruntukan Gaji, Peruntukan Berulang-Ulang itu memang bersifat operasi. Kaola akan menfokuskan kepada Peruntukan Khas iaitu khas untuk projek-projek perkembangan kementerian.

Perbelanjaan Khas yang disediakan ialah sebanyak \$250,000.00 bagi Program Penyelidikan dan Perkembangan Industri Perikanan Tangkapan. Program untuk melaksanakan program sektor tangkapan bagi keperluan pasaran eksport Kesatuan Eropah termasuk kerja menaik taraf Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan Projek *Hygiene On Board and Cage Specification*. Yang satu lagi adalah *dry docking or petrol vessel* \$100,000.00.

Untuk melaksanakan kerja pemeriksaan kerja bahagian bawah kapal memerlukan kemudahan *dry dock*

bertujuan untuk memenuhi syarat sijil *classification* yang dikreditkan/dikendalikan oleh syarikat yang diiktiraf. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kapasiti Jabatan Perikanan dan kerja-kerja pengawalan dan pemantauan perairan. Jadi sebenarnya Perbelanjaan Khas tidak banyak di Bahagian Perikanan.

Mengenai kemajuan industri perikanan di Daerah Belait, pada masa ini kementerian sedang membantu seorang pengusaha di Kampung Labi untuk membuka industri dalam penternakan udang galah. Dengan demikian *supply* udang galah bukan sahaja daripada Daerah Temburong mungkin juga dari Daerah Belait dan juga dari Daerah Tutong. Perusahaan untuk membanyakkan anak-anak udang galah sedang dijalankan oleh perusahaan di Kampung Serasa pada masa ini untuk tujuan *release* anak-anak udang galah ini ke seluruh negara.

Soalan seterusnya ialah berkenaan dengan padi. Tadi Yang Berhormat menyatakan ada Peruntukan sejumlah \$6 juta. Sebenarnya Perbelanjaan Khas yang digunakan/disediakan bagi rancangan perusahaan padi berjumlah sebanyak \$5 juta sahaja. Tujuannya untuk perkembangan infrastruktur parit dan pengairan, pembelian import pertanian, jentera dan mesin. Juga diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan keluaran padi dan skim pembelian semula hasil padi tempatan. Ada \$200 ribu bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan. Keutamaan diberikan

kepada Kawasan-kawasan Kemajuan Pertanian, KKP bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil pertanian. Yang satu lagi \$100 ribu lebih adalah bagi meningkatkan keupayaan bagi kerja-kerja penganalisis dan kaji uji bagi makmal-makmal veterinar, kaji musuh dan kaji penyakit tanaman dan agrimakanan.

Mengenai Bukit Sengkuang, kementerian sedang mengurangkan harga melalui *reviewing* skop kerja iaitu disebabkan oleh *challenge* dalam bidang fiskal kita masa ini. Fokus adalah kepada *area* yang sedang dijalankan sekarang sahaja dan menggunakan teknologi yang *cost-effective* untuk terus menggalakkan petani-petani untuk bertanam padi di kawasan Bukit Sengkuang. Misalannya dengan menggunakan *variety* beras *BDR 5* yang boleh bergantung pada air hujan dan bukan daripada *irrigation* tetapi boleh menghasilkan 4 ke 5 metrik tan padi sehektar.

Selanjutnya soalan daripada bahagian-bahagian perhutanan. Mengenai terdapatnya banyak aktiviti perhutanan dan perkilangan di Daerah Belait. Adakah untuk menggunakan kaedah *PPT* dalam menggunakan sumber hutan di Daerah Belait. Seperti yang kaola nyatakan awal tadi, pihak swasta akan terus digalakkan menghadapkan cadangan ataupun secara *RFP* daripada kementerian sendiri untuk mengambil peluang-peluang tertentu menggunakan kawasan-kawasan yang dapat digunakan sebagai sumber destinasi

kepada pelancong, dan tempat-tempat inilah akan ditawarkan sebagai kawasan pelancongan, jika ia betul-betul menguntungkan kepada pihak pelabur.

Kementerian mendapat banyak cadangan daripada pelbagai pihak untuk memajukan kawasan masing-masing sebagai destinasi pelancongan sama ada di Daerah Temburong, Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait. Jadi agak mustahil bagi kementerian melayan semua cadangan berkenaan. Kita akan juga mengharapkan pihak swasta untuk menilai sama ada cadangan itu sesuai dibuat secara komersil yang menguntungkan semua pihak, iaitu *private sector*, pihak awam dan sekurang-kurangnya tidak merugikan kerajaan.

Selanjutnya kaola ingin menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Yang Berhormat menyatakan bajet promosi berjumlah \$2 juta, sebenarnya tidak sampai \$2 juta, cuma dalam \$200,000.00 sahaja. Promosi dan Pemasaran \$250,000.00 dan Perkembangan Produk \$150,000.00. Manakala \$150,000.00 itu ialah untuk meningkatkan dan memperkembangkan produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unik kepada pelancong dalam dan luar negara. Keutamaan akan diberikan kepada produk *primary* iaitu Batang Duri dan Ulu Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Selain meningkatkan dan memperkembangkan produk-produk

tersebut, program promosi dan pemasaran juga akan digiatkan dengan memfokus penggunaan teknologi info-komunikasi seperti *mobile apps*, laman sesawang, dan sebagainya. Ada juga perbelanjaan lain yang khas sebanyak \$60,000.00 dan \$100,000.00 iaitu untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kepada kerosakan-kerosakan yang terdapat di galeri seperti di Galeri Kebudayaan Kampung Air iaitu keretakan dinding, kebocoran siling, cat dinding yang pudar dan papan-papan tanda yang rosak demi keselesaan pengunjung. Selanjutnya ialah untuk mengemas kini pengumpulan dan penganalisan data berkaitan dengan pelancongan. Itulah sahaja bajet khas yang disediakan kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Soalan selanjutnya ialah berkenaan dengan borang yang banyak diisi oleh pelancong-pelancong ataupun orang-orang yang tiba melalui jalan udara di Negara Brunei Darussalam. Kaola telah pun berunding dengan beberapa pihak yang berkenaan. Borang-borang ini ada yang diterbitkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, kaola telah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menilai semula keperluan untuk pelancong ataupun yang datang dari luar negara mengisi borang kesihatan. Pengisian borang ini telah pun diberhentikan dan dalam jangka panjang tidak akan dikehendaki untuk mengisi jika tidak ada keperluan,

jika tidak ada wabak penyakit yang berlaku di negara-negara jiran ataupun negara-negara dari mana mereka datang itu. Belanjanya pun besar untuk mencetak borang tersebut dan oleh yang demikian borang itu tidak diperlukan lagi.

Walau bagaimanapun, borang kastam dan borang imigresen, saya kira masih perlu diisi seperti mana yang kita dapati negara-negara lain pun masih mengisi atas tujuan tertentu iaitu tujuan data dan tujuan untuk mengelakkan membawa keluar masuk duit yang banyak yang boleh menimbulkan keraguan dari segi *money laundering* dan lain-lain lagi.

Soalan selanjutnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertama berkenaan dengan pokok jati ataupun dikenal dengan pokok kasia. Apakah sudah ada perancangan untuk membuatnya boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi. Walaupun nampak banyak tetapi tidak banyak kalau dibandingkan negara-negara lain. Sumber ini untuk dijadikan sumber ekonomi. Asalnya pokok ini didatangkan dari negara luar, tujuannya untuk mengelakkan hakisan tanah di sepanjang jalan raya dan lebuh raya di Negara Brunei Darussalam.

Pokok ini sekarang didapati boleh tumbuh dengan cepat dan pada masa yang sama juga ia boleh terbakar dengan mudah dan melarat ke tempat-tempat yang lain. Pengurangan jumlahnya akan diusahakan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perhutanan telah menggalakkan orang ramai dan pengusaha-pengusaha *particularly* untuk menjadikan bahan kayu kasia ini sebagai bahan kepada pengeluaran kertas ataupun pengeluaran arang. Hal ini terpujanglah kepada pengusaha. Walau bagaimanapun percubaan yang dibuat oleh pengusaha untuk menggunakannya untuk sumber kertas telah didapati tidak berjaya beberapa tahun yang lalu.

Dari segi perikanan, kebanyakan nelayan kecil kita kurang pengetahuan mengenai macam mana cara menambah nilai ataupun macam mana cara mereka boleh bertahan pada musim tengkujuh. Adakah bantuan daripada kerajaan seperti penubuhan koperasi dan lain-lain. Perkara ini belum ada dibuat oleh kementerian dan akan diteliti cara yang terbaik untuk mengatasinya.

Walau bagaimanapun kitani kadang-kadang ada cara lain seperti menggalakkan pelabur asing untuk mengusahakan secara berskala besar misalannya di Daerah Tutong, seorang pengusaha daripada Taiwan mengusahakan ladang ternakan udang secara besar-besaran dan masa ini telah ditawarkan untuk mengusahakan beratus hektar lagi dalam mengusaha udang dan beliau juga menawarkan peluang kepada nelayan-nelayan atau pengusaha dalam negara terutama Daerah Tutong untuk ikut serta mengusahakan ladang beliau mengikut *standard* beliau sendiri. Ertinya beliau menyediakan beberapa kolam untuk peladang kita jika berkehendak dan

akan mengusahakan ladang itu secara *standard* dan dia akan membeli hasil-hasil daripada peserta berkenaan. Perkara ini akan dilaratkan bukan sahaja di Daerah Tutong tetapi di tempat lain juga akan dibuat supaya kita ada sumber pendapatan yang stabil terutama sekali kepada pengusaha kecil.

Berkenaan pemprosesan makanan dan daging seperti mana yang kaola maklumkan ketika mukadimah berkenaan, salah satu daripada industri utama ialah industri ternakan ayam dan pedaging. Memang dimaklumi sumber daging negara adalah terhad. Bagaimana cara kita mengembangkan industri pemprosesan daging ini bukan dengan bergantung pada pengeluaran daging dari negara ini tapi kita boleh juga mengimport daging dari luar negara dan akan memprosesnya menjadi makanan lain dan untuk dieksport ke tempat-tempat lain.

Ini adalah kaedah lanjutan, kaola tidak nyatakan ketika mukadimah. Memang cara kita untuk berkembang ataupun tumbuh tidak boleh bergantung pada hasil dalam negara sahaja. Mestilah kita juga mengimport bahan-bahan mentah dari negara lain misalannya ikan dan pertanian dari Filipina ataupun daging dari negara jiran ataupun lebih jauh dari Australia dan tempat-tempat lain. Ia diproses, ditambah nilai dan akan dijual dalam negara dan juga dieksport. Jawapannya dengan menggalakkan import dan diproses untuk *add value*. Perkara ini adalah perkara yang sering digunakan oleh

negara-negara kecil seperti Singapura dan Hongkong.

Pelancongan yang ditanyakan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Seperti yang dinyatakan tadi, memang banyak potensi destinasi pelancongan di seluruh negara. Di Daerah Kuala Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad menyebut Kuala Balai, Labi dan Sungai Basong di Daerah Tutong dan menyusur sungai dan lain-lain lagi.

Memandangkan Kementerian kapasitinya terhad dan juga kapasiti dari fiskal juga terhad, kita akan menawarkan perkara ini kepada pihak swasta melalui PPP untuk menilai sama ada Sungai Basong boleh diuruskan oleh pihak swasta sebagai destinasi pelancongan dengan menarik pelancong ke sana. Berbagai-bagai aktiviti, akan menawarkan beberapa kawasan di sana untuk disewakan bagi tujuan komersial. Jika pun tidak dapat Sungai Basong diusahakan secara persendirian mungkin akan digabung dengan tempat-tempat lain misalnya kombinasi Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan, Bukit Ambok dan juga Kampung Petani Daerah Tutong dan juga kawasan pasar tamu. Kesemua ini kalau digabung akan ditawarkan kepada pelabur yang mungkin menarik minat mereka untuk mengurus, mengendali dan selanjutnya memeliharanya.

Bagaimanapun, seperti yang kaola nyatakan tadi, ini melibatkan berbagai-bagai agensi ataupun *owners* tempat-tempat ini. Perundingan akan dibuat

dengan kementerian ataupun jabatan untuk sama-sama melaksanakannya. Ia akan menguntungkan semua pihak, *private sectors*, kerajaan, orang ramai sama ada pelancong domestik ataupun pelancong dari luar negara. Yang Berhormat Pengerusi, demikianlah yang dapat saya jawab. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Dalam senarai saya masih ada 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyuarakan pendapat atau pertanyaan-pertanyaan mereka mengenai Tajuk ini.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menghuraikan rancangan-rancangan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan KDNK pada hari Sabtu, 12 Mac 2016 bersamaan 3 Jamadilakhir 1437 petang, kaola menyokong penuh dan berdoa

agar mendapat berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wataala demi kepentingan negara ini.

Dalam visi dan misi kementerian akan memberi penekanan 4 teras utama iaitu *economic growth, productivity export* berdaya tahan (*sustainable*). Khusus bagi perancangan 2016 hingga 2020, bagi Industri Ternakan Ayam/Daging, Industri Sayur-sayuran, Industri Bunga Keratan (*cut flowers*), Industri Agrimakanan, Industri Perikanan, Industri Perhutanan bagi sasaran kepada pasaran antarabangsa ataupun eksport bagi meningkatkan nilai keluaran industri ini akan bertambah kepada serendah-rendah \$890 juta kepada \$1.21 bilion setinggi-tingginya menjelang 2020.

Jika dianalisis peruntukan perancangan-perancangan 2016-2017, bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebanyak \$57,144,550.00 dibandingkan dengan nilai keluaran industri-industri yang terlibat untuk meningkatkan nilai keluaran bagi sasaran kepada pemasaran antarabangsa atau eksport bagi industri terlibat yang akan bertambah kepada serendah-rendah \$890 juta hinggalah ke setinggi-tinggi \$1.21 bilion. Kalau berjaya ini akan melibatkan kerja-kerja awal persediaan seperti tempat-tempat kegiatan yang diuraikan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Soalan kaola, adakah dengan peruntukan 2016/2017 ini akan boleh

membiayai persediaan seperti tempat-tempat perusahaan, pemantauan dan pengawalan penyakit tumbuh-tumbuhan dan binatang? Jika tidak dikawal dengan cermat impaknya akan merugikan negara dari segi semua aspek kerja sokongan logistik, pengangkutan, perkapalan dan lain-lain yang bersangkutan dengan pengeksportan yang pada masa ini belum lagi ada tersedia, oleh sebab baru dalam rancangan bagi industri-industri terkandung dalam rancangan bagi tahun 2016/2017 yang memberikan peningkatan pengeluaran sampai 4 lebih kali ganda ataupun 493 peratus. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan mengemukakan 2 Tajuk sahaja iaitu SHO6A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dan SHO3A - Jabatan Perikanan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Melihat produk-produk pelancongan yang sedia

ada dan mungkin belum diterokai serta perlu dikembangkan di daerah-daerah yang lain secara lebih kompetitif, kita sudah tentu tidak mahu dalam masa 5 ke 6 tahun akan datang, hanya Kampung Air, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah sahaja yang dikenali. Walhal, banyak lagi destinasi pelancongan lain yang menarik yang perlu untuk dikunjungi. Kaola berpandangan seperti Tasek Merimbun, Daerah Tutong, Taman Negara Temburong, Bujang Pahang, Taman Rekreasi, Sungai Basong dan Hutan Selurung dan beberapa buah tempat yang menarik yang lain perlu dibangun, diperbisai dan dinaik taraf.

Suntikan modal dan bantuan kepakaran perlu untuk individu yang ingin memajukan industri pelancongan dengan berbagai-bagai jenis kemudahan dan prasarana pelancongannya, seperti mendirikan perkampungan, budaya, pasar seni, kompleks membeli belah, kemudahan kereta kabel, kemudahan inap desa (*homestay*) dan sebagainya.

Begitu juga bagi Daerah Belait, kota minyak tersebut seharusnya berkembang seiring dengan pusat bandar dan merupakan juga pintu masuk laluan negara jiran sehingga sekarang belum begitu menampakkan perubahan yang ketara. Dicadangkan supaya pekan Seria dan pekan Kuala Belait dijadikan kota pelancongan skala besar agar skop pelancongan negara lebih luas dan pelancong tidak tertumpu di Daerah Brunei dan Muara sahaja.

Dari perspektif sejarah, Daerah Belait pernah melalui sejarah sosioekonomi yang tersendiri dan sewajarnya dimajukan secara besar-besaran. Contohnya Kuala Balai, Inggai, Melilas, Sukang dan beberapa tempat lain yang boleh dijadikan produk pelancongan bercirikan rekreasi, penyelidikan, sukan dan sebagainya.

Sektor Jabatan Perikanan dan Agrimakanan - Sektor ternakan ikan dan udang adalah antara sektor industri perikanan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang dan telah pun berhasil menembusi beberapa pasaran eksport luar negara seperti China, Hongkong, Malaysia, Jepun dan Korea. Sektor pemprosesan makanan laut adalah salah satu sektor hiliran industri perikanan yang mampu memberikan pulangan yang lebih.

Kaola ingin mengajukan 2 soalan iaitu:-

1. Apakah perancangan pihak berkenaan bagi membangunkan industri hiliran bagi sektor ternakan udang dan ikan pada masa akan datang; dan
2. Apakah cabaran-cabaran dan masalah yang telah dikenal pasti dalam membangunkan sektor pemprosesan makanan laut?

Itulah saja 2 perkara yang kaola ajukan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebentar

tadi dan juga pada hari Sabtu, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memberikan sasaran-sasaran kementeriannya. Hala tuju kementeriannya mengenai industri-industri seperti pelancongan, perikanan, perhutanan dan seumpamanya. Maka, saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya supaya soalan-soalan yang sama dapat dielakkan dan kita akan menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang belum ditimbulkan. Perbincangan Menteri yang berkenaan akan lebih tertumpu dan fokus lagi kepada perkara-perkara yang baharu itu.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf:** Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walaupun Yang Berhormat Pengerusi mengatakan bahawa hal-ehwal pelancongan atau perikanan dan sebagainya sudah disentuh, kaola fokuskan kepada Jabatan Kemajuan Pelancong, kalau kaola dapat teruskan dan keizinan Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam membahaskan peruntukan pelancongan ini, kaola sesungguhnya tertarik untuk membawa semula di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan Tasek Merimbun. Kaola memohon apa jua kiranya supaya Tasek Merimbun dapat dimajukan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan atau melalui pihak swasta.

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Tasek Merimbun dimajukan dengan tidak merosakkan kawasan yang diwartakan sebagai bahan sejarah dan keaslian semula jadi;
2. Kawasan Tasek Merimbun juga dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber utama menarik pelancongan;
3. Untuk meningkatkan pembangunan di kawasan sekitar Tasek Merimbun dicadangkan dibina hotel bertaraf sederhana. Diadakan restoran, tempat-tempat kegiatan yang bersesuaian, galeri, taman binatang, tempat mengadakan kursus-kursus dan seminar;
4. Dengan adanya perkara-perkara yang kaola nyatakan di atas, maka dengan sendirinya menarik pelancong bukan sahaja dari luar negeri bahkan dalam negeri; dan
5. Kesan daripada pembangunan ini, bukan sahaja ekonomi penduduk di sekitar Merimbun akan meningkat tetapi bagi setiap mukim dan kampung yang menjadi laluan

pelancong menuju ke Tasek Merimbun akan melanggan hasil produk kraftangan, pertanian dan lainnya sekali gus menambah pendapatan penduduk kampung.

Kaola penuh yakin, bahawa dengan adanya Tasek Merimbun dimajukan maka peningkatan serta membisakan lagi landskap Daerah Tutong sesuai kedudukannya antara Bandar Seri Begawan dan Belait. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola sedikit sahaja menyentuh mengenai pelancongan dalam nada yang berlainan serta maksud yang tidak sama dengan rakan-rakan. Kaola juga akan menyoal mengenai Jabatan Perhutanan dan juga Skim Pinjaman Makro dan *SME*.

Dalam usaha menarik pelancongan asing datang ke Negara Brunei Darussalam berbagai-bagai kaedah telah dibuat oleh Jabatan Pelancongan (*Tourism*). Selain mewujudkan berbagai-bagai destinasi yang menarik untuk pelancong asing datang ke Negara Brunei Darussalam, kita perlu mencari keunikan dan keistimewaan yang terdapat di negara ini. Apa yang selalu dikunjungi ialah seperti Masjid

Omar 'Ali Saifuddien, Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Air dan *National Park* di Daerah Belait dan Ulu Belalong.

Selain Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Ulu Belalong ada lagi sesuatu yang amat menarik yang memang terdapat di negara kitani iaitu *Brunei Multipurpose Training Centre* seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Pusat ini sudah beroperasi sejak Tahun 2014 mengendalikan latihan penerbangan kepada pelatih-pelatih tempatan dalam dan luar negeri.

Adalah dicadangkan supaya agensi-agensi pelancongan akan mengambil inisiatif merebut peluang ini menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan pelajaran (*education tourism*) yang terbaik dirantau sebelah ini. Apa yang penting ialah sistem perhubungan seperti pengangkutan perlu diperbaiki, perhotelan, restoran yang mempunyai kelas bertaraf dunia diwujudkan sebagai tarikan negara-negara dunia untuk mengikuti *education tourism* yang standard serta operasi yang bertaraf dunia atau antarabangsa.

Pada 27 Februari 2016 yang lalu, melalui taklimat yang disampaikan oleh beberapa orang pegawai di Jabatan Pelancongan telah digariskan beberapa kaedah bagi mengendalikan *homestay* di kampung-kampung. Berdasarkan taklimat tersebut, setiap kampung hanya dibenarkan mempunyai 5 buah rumah sahaja sebagai *homestay*.

Soalan dan cadangan kaola:-

1. Adakah perkara ini bersesuaian dengan matlamat menjadikan pelancongan sebagai sumber pendapatan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim?;
2. Apakah strategi Jabatan Pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong ke negara ini?;
3. Adakah sudah promosi-promosi ataupun iklan-iklan di buat di seluruh negara seperti hotel-hotel dan melalui beberapa kedutaan Negara Brunei Darussalam bagi memberigakan bahawa negara ini mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati atau dikunjungi; dan
4. Dicadangkan juga, perlu diberikan kemahiran dalam beberapa aspek kepada ejen-ejen pelancongan yang beroperasi di negara ini seperti falsafah negara Melayu Islam Beraja umpamanya, budaya, sejarah dan tatasusila bangsa, bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada semua pelancong yang datang melalui agen pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi mengenai Jabatan Perhutanan. Fungsi dan peranan Jabatan Perhutanan sangatlah penting dalam memastikan flora dan fauna serta hutan di negara ini dapat berperanan sebagai perlindungan semua ekosistem termasuk semua habitat dan spesis binatang. Kepentingan pengawalan

hutan memerlukan kerjasama dari semua agensi termasuklah orang ramai.

Mengenai penebangan pokok, sama ada dikawal di bawah kawalan Jabatan Perhutanan ataupun tidak, didapati telah berlaku beberapa kegiatan penebangan pokok dan pencarian pokok gaharu dan yang paling *famous* pada masa ini ialah mencari madu kelulut. Perkara ini tidaklah dilarang, malah digalakkan tetapi apa yang penting ialah supaya pengusaha-pengusaha yang tersebut di atas secara berhemah dan melalui proses-proses atau prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan. Soalan kaola:-

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berwajib dalam memastikan supaya kegiatan atau aktiviti yang melakukan penebangan pokok dengan tidak mendapat kelulusan atau kebenaran daripada pihak Jabatan Perhutanan khususnya?; dan
2. Adakah keperluan-keperluan hutan di negara kita ini khususnya pokok yang bernilai tinggi, seperti meranti, kayu kapur, selangan batu dan lain-lain mencukupi bagi keperluan negara?

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kira Ahli Yang Berhormat, banyak antara kita suka akan madu kelulut. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, peminat-peminat Taman Agro Kampung Tungku, begitu ramai terutama pada hari Ahad dan hari-hari kelepasan awam sehingga mencapai 3,000 orang sehari. Kebanyakannya beriadah, *jogging*, berbasikal, berjalan kaki dan melihat-lihat ternakan dan bunga-bunga yang ada di sana. Ada juga aktiviti-aktiviti secara berkumpulan seperti dari maktab-maktab, sekolah-sekolah dan lain-lain. Taman Agro Kampung Tungku menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Soalan saya, apakah rancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menambah baik *environment* kawasan Taman Agro Kampung Tungku terutama tempat berjualan makanan dan minuman. Kalau boleh diselitkan produk-produk tempatan, dapat dijual di tempat itu. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola akan membawa Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Laporan akhbar *Brunei Times*, keluaran 21 Julai 2015 bahawa

kajian telah dijalankan pada tahun 2010 untuk menilai jumlah spesis ikan di perairan Negara Brunei Darussalam. Dari kajian tersebut, didapati jumlah spesis ikan telah merosot daripada 12% pada tahun 1999 kepada 75% pada tahun 2010. Mengikut Pengarah Perikanan yang disiarkan oleh akbar tersebut bahawa pengharaman penggunaan pukut tunda akan dikuatkuasakan mulai tahun 2016.

Soalan kaola:-

1. Mengapakah hanya sekarang Jabatan Perikanan membuat keputusan untuk mengharamkan penggunaan pukut tunda sedangkan hasil dari kajian tersebut telah didapati pada tahun 2010?; dan
2. Bilakah tarikh permulaannya pengharaman ini akan dilaksanakan?.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan juga kaola untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan atas mukadimah peruntukan belanjawan kementeriannya pada petang hari Sabtu yang lepas.

Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola supaya dapat mengutarakan 5 Tajuk di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Taman Negara Ulu Belalong adalah destinasi pelancongan utama untuk pelancong dalam dan luar negara, kerana keindahan alam semula jadi dan flora dan faunanya. Apa yang lebih membanggakan ialah kehadiran pelancong luar negara yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, perkara yang perlu diambil perhatian, masih terdapat tempat lain yang menjadi tumpuan para pelancong seperti jalan atau trek dari *canopy walkway* yang menuju ke Air Terjun Sungai Apan, yang mana jalan laluannya tidak dapat dilalui kerana anak-anak tangga kayu banyak yang sudah rosak dan buruk kerana tidak ada pemeliharaan dan termasuklah juga jambatan gantung dibiarkan sahaja sekian lama tidak diperbaiki.

Pada pandangan kaola, Taman Negara Ulu Belalong adalah yang terbaik di rantau ini sebagai warisan negara hingga ke generasi akan datang. Sewajarnya kemudahan-kemudahan disediakan di sana di ambil perhatian penjagaannya

terutama apabila terdapat kerosakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan oleh pihak-pihak berkenaan terutamanya peruntukan pembaikan yang mencukupi bagi mengembangmajukan ekopelancongan di negara ini khususnya di Taman Negara Ulu Belalong yang telah mengharumkan nama negara terutamanya bagi pelancong luar Negara; dan

2. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Ada dua perkara yang akan kaola timbulkan. Pertama, pertumbuhan hutan bakau yang terdapat di perairan Negara Brunei Darussalam, di kawasan-kawasan Sungai Duau dan Sungai Selirong menampakkan pemandangan yang sungguh indah sebagai satu tarikan laluan Jambatan Temburong ke Bandar Seri Begawan apabila siap sepenuhnya nanti.

Soalan kaola:-

- i. Apakah kedudukan perkembangan hutan bakau pada masa ini dan jangka panjang yang masih terkawal dan terpelihara bagi menjamin pertumbuhannya?;
- ii. Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong (Hutan Paya Bakau).

Apakah ada sebarang cadangan pada rancangan sepanjang Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan untuk mempromosikan taman rekreasi ini sebagai destinasi pelancongan yang menarik di negara ini?; dan

- iii. Adakah juga perancangan pihak Jabatan Perhutanan untuk menambah prasarana sebagai tempat penginapan yang disewakan bagi kemudahan pelancongan bermalam di taman tersebut.

Kedua, hutan hujan di Negara Brunei Darussalam merupakan khazanah negara yang amat berharga dipercayai mempunyai potensi besar dan bernilai tinggi dari segi ekopelancongan dan menghasilkan produk-produk berasaskan kayu. Selain itu, hutan di negara ini termasuklah di Daerah Temburong mempunyai berbagai-bagai spesis tumbuhan herba yang diketahui umum mengandungi khasiat dan kebaikan tertentu dalam pengamalan perubatan tradisional dan kaitannya dengan penjagaan kesihatan kemasyarakatan kampung.

Dalam hubungan ini, kaola percaya potensi tumbuhan-tumbuhan herba yang terdapat di negara ini dan sudah sinonim

dengan masyarakat Brunei akan lebih terserlah dan dikenali sekiranya ia diiringi dengan hasil kajian dan penyelidikan yang saintifik atau ilmiah. Masyarakat kita termasuk luar negara akan dapat informasi yang tepat dan lebih meyakinkan, bukan sahaja dari segi khasiatnya tetapi juga kebaikan serta kesan penggunaannya terutama sekali kesan sampingan dari aspek kesihatan.

Kaola ingin tahu apakah sudah ada kajian dilaksanakan terutama sekali oleh Pakar-pakar botani yang berkaita, termasuklah juga mahasiswa-mahasiswi dan para pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini?

3. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Apa yang kaola maklum Stesen Penetasan Benih Udang Galah, Ikan di Kampung Meragang adalah pusat penetasan Jabatan Perikanan yang utama.

Soalan dan cadangan kaola:-

- i. Apakah pusat ini terus beroperasi menghasilkan benih Udang Galah dan ikan?

Bagi penternak udang galah dan ikan di Daerah Temburong sangat-sangat memerlukan benih udang galah dan ikan selongsung untuk ditenak dalam sangkar. Kursus dan bantuan mengendalikan penternakan

udang, ikan dalam sangkar secara penetasan benih udang galah dan ikan perlu untuk bakal penternak. Mudah-mudahan Jabatan Perikanan akan lebih proaktif dalam perkara ini; dan

- ii. Spesis udang galah di Sungai Temburong juga adalah yang terbaik di negara ini. Dicadangkan agar mendapat sokongan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan mengambil inisiatif yang lebih jauh untuk mewujudkan projek penetasan benih udang galah di Daerah Temburong dalam membantu pengusaha-pengusaha tempatan yang bergiat menternak udang galah. Selebihnya, benih udang galah tersebut dapatlah dilepaskan di sungai-sungai Temburong bagi mengatasi kepupusan udang galah yang sudah nampak berkurangan sebagai sumber ekonomi kepada nelayan tempatan dalam jangka panjang.
4. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Seperti yang kita ketahui perubahan cuaca pada masa ini tidak menentu dan sukar untuk diramal disebabkan perubahan cuaca tersebut sedikit sebanyak telah menjejaskan penghasilan padi, terutamanya apabila musim kemarau. Kita ketahui air adalah asas keperluan bagi

penumbuhan padi. Ladang Padi Lekiun-perdayan dan Nagalang pada masa ini belum ada mempunyai sistem pengairan yang sistematik.

Soalan:-

- i. Apakah kaedah yang terbaik bagi memudahkan pengairan ke kawasan padi? Masalah ini dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang padi di Daerah Temburong bila sahaja musim kemarau; dan
  - ii. Dalam menjana pertumbuhan perekonomian mukim dan kampung penduduk Daerah Temburong yang berminat menceburi bidang ternakan kecil-kecilan seperti, menternak ayam, itik, kambing kerbau dan lembu di kawasan tanah *TOL*, Apakah ada dalam cadangan dan perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membuka tapak-tapak baharu yang bersesuaian khusus untuk ternakan dalam kawasan mukim-mukim atau kampung-kampung di samping menyediakan Skim Bantuan Subsidi khusus untuk benih dan makanan ternakan?
5. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Daerah Temburong adalah destinasi pelancongan yang sudah sekian lama dikunjungi

oleh pelancong tempatan dan luar negara. Kaola sudah menimbulkan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lepas supaya cawangan Jabatan Kemajuan dan Pelancongan ditubuhkan di Daerah Temburong.

Soalan kaola:-

- i. Apakah tindakan sudah diambil oleh pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini bagi memajukan kawasan pelancongan dan membuat promosi bagi pelancong-pelancong berkunjung di Daerah Temburong?
- ii. Kaola juga ingin bertanya, apakah juga ada rancangan khusus yang dibuat oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui jabatan yang berkenaan untuk menyediakan pelan induk atau lebih dikenal sebagai *white paper* bagi mengembangkan industri pelancongan di negara ini, tidak terkecuali Daerah Temburong yang mempunyai banyak potensi tarikan pelancong yang belum diterokai?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, setelah kita mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai industri perikanan di negara ini, nampaknya sangat membanggakan dan boleh membantu meningkatkan hasil negara kita. Apa yang kaola akan utarakan hanya ingin berkongsi sama mengenai dengan industri perikanan yang dilaksanakan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai kemampuan untuk mengusahakan menternak ikan secara besar-besaran dan secara komersial.

Merujuk kepada artikel akhbar *The Brunei Times* tempoh hari mengenai peningkatan jumlah rakyat yang memohon bantuan kepada kerajaan, jumlah pengangguran di Negara Brunei Darussalam amatlah kita bimbangkan. Saya mencadangkan kerajaan membuka pekerjaan bagi mereka ini, khusus dalam industri pertanian dan perikanan. Saya percaya kerajaan mampu merangka satu model ataupun *framework* yang khusus untuk memaju sektor pertanian dengan menggunakan khidmat mereka.

Sebagai contoh, kita hendak memajukan sektor ikan secara terbuka ataupun

memliharanya di dalam tangki. Jika kita dapat tarik 10 peratus dari jumlah pengangguran di negara ini yang memohon bantuan untuk bekerja dalam usaha memelihara ikan di dalam tangki, saya rasa boleh mengurangkan atau merubah pemikiran mereka daripada bergantung pada bantuan kerajaan sahaja.

Kerajaan boleh mengambil atau membuka peluang kepada mereka ini dengan memberikan latihan kursus untuk aktiviti pemeliharaan ikan dalam sangkar ataupun di dalam tangki. Selepas kursus mereka diberikan tempat yang lengkap untuk memulakan ternakan ikan dengan dipantau rapi oleh Jabatan Perikanan. Pemantauan rapi dan bimbingan berterusan oleh Jabatan Perikanan di peringkat awal adalah penting bagi memastikan mereka ini terus kekal dalam memajukan ternakan ikan sekali gus sebagai platform yang terbaik bagi kerajaan melihat prospek industri tersebut yang semenangnya sudah terbukti dan berjaya di negara ini.

Dalam hal ini cabaran yang akan ditempuhi pasti ada. Kita harus percaya bekerja keras dan fokus untuk memajukan perindustrian pemakanan yang sudah jauh atau terlepas pandang. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengulangi mengenai industri perikanan yang dijalankan oleh rakyat kitani secara kecil-kecilan sejak beberapa tahun yang lepas. Kerajaan di bawah Jabatan Perikanan telah membekukan pengeluaran lesen untuk menangkap ikan secara kecil-kecilan di pesisiran pantai.

Maka kaola rasa walaupun sekiranya lesen tersebut tidak lagi dikeluarkan maka kaola cadangkan supaya mereka ini akan diberi kebenaran secara permit dalam masa-masa yang tertentu untuk membolehkan mereka ini menangkap ikan untuk kegunaan mereka sendiri pada waktu-waktu musim teduh.

Menyentuh mengenai perikanan ini, bahawa pada sesi mesyuarat yang lepas kaola telah mengajukan cadangan untuk mengadakan tempat penurunan perahu di Pekan Kuala Belait. Sehingga pada masa ini penurunan perahu tersebut belum lagi terlaksana. Kaola juga ingin mengutarakan bahawa terdapat dua tempat penurunan perahu yang telah dibina oleh sebuah agensi kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya bertempat di terusan yang menghubungkan lagun Masjid Perancangan Perumahan Negara Kampung Pandan menuju ke Sungai Belait. Kaola dengan rasa rendah hati memohon kepada pihak kementerian ataupun Jabatan Perikanan supaya akan dapat berunding dengan Jabatan Kerja Raya untuk membolehkan rakyat dan penduduk yang mempunyai perahu menggunakan tempat yang kaola sebutkan di atas tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat

Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah dapat menerangkan mukadimah dan memberikan penekanan kepada 4 teras utama.

Dalam hubungan ini, kaola dengan sepenuhnya menyokong peruntukkan Jabatan Kemajuan Pelancongan sebanyak \$2,025,200.000.00 yang Peruntukan Khas sebanyak lebih kurang \$650,000.000.00 Dalam hubungan ini kaola ingin bertanya apakah usaha dan rancangan yang akan dibuat oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosikan negara ini kepada negara-negara luar, khususnya Tahun Melawat Negara Brunei Darussalam yang pernah diadakan beberapa tahun yang lalu. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini saya ditangguhkan dan kita akan bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat.

**(Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang

semula di Majlis Mesyuarat. Saya mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan Mesyuarat kita ini dan kita akan menyambung semula insya-Allah pada pukul 2.30 petang ini nanti. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalaamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**